

Petani
**Menuntut
Ilmu**



**PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**

Muhammad Mustajab Mohd Zari
Mhd. Umar Masnan



**LAPORAN TAHUNAN PNM
2020**



LAPORAN TAHUNAN PNM

2020

Kandungan

III	Perutusan Ketua Pengarah
IV	Visi, Misi dan Objektif
1	Lembaga Penasihat PNM
3	Carta Organisasi
6	Pengurusan Tertinggi PNM
10	Pencapaian Utama dan Peristiwa Penting
25	Pengurusan Perpustakaan
51	Pembangunan Perpustakaan
71	Perkhidmatan Perpustakaan
105	Sistem Pengurusan Kualiti
107	PUSPANITA
109	Kelab PNM
113	Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia
117	Keratan Akhbar



Perutusan

KETUA PENGARAH



Alhamdulillah, syukur kepada hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya Laporan Tahunan Perpustakaan Negara Malaysia 2020 yang melakarkan pencapaian dan kejayaan telah terhasil untuk tatapan umum.

Bermula pada awal tahun ini, Negara telah dilanda pandemik COVID-19 dan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan wabak ini. Dalam situasi ini, PNM turut terkesan namun segera menyusun strategi dan program mengikut SOP yang telah ditetapkan bagi memastikan rakyat Malaysia terus dibekalkan dengan ilmu dan maklumat.

PNM telah berjaya melaksanakan program dan aktiviti menerusi tiga bentuk mekanisma iaitu fizikal, dalam talian dan hibrid (gabungan fizikal dan dalam talian). Secara keseluruhan sebanyak 82 program telah dilaksanakan iaitu 57 program secara dalam talian, 17 program secara fizikal dan 8 program berbentuk hibrid. Antaranya adalah Program *Reading Seeds* Peringkat Kebangsaan, Pertandingan Penulisan 'Menempuh COVID-19: Suatu Pengalaman', Program e-Jom Baca Bersama (*Let's e-Read Together*), Pertandingan Bercerita dalam Talian, Rancangan Klinik Jawi IKIM.fm, Bacaan Kegemaran Saya, Membaca Perdana: Ekspresi Minda, Bicara Intelektual, Minggu Digital@PNM, Wacana Manuskrip Melayu, Kalam Karyawan, Literasi Media dan Maklumat Perdana@PNM Maya dan Karnival Semarak Jawi.

Pada 4 September 2020, PNM telah melancarkan PNM TV Channel dengan tagline 'Inspirasi, Informatif, Relevan'. Turut dilancarkan adalah PNM *Tourism Passport (book pocket)* bagi membolehkan pemegang *passport* tersebut untuk melawat PNM secara interaktif menggunakan AR/VR dan *Re@Re Technology*. Ianya bertujuan merencanakan promosi koleksi, perkhidmatan dan aktiviti PNM kepada masyarakat secara maya.

Perkhidmatan digital u-Pustaka dilihat sebagai pemangkin Kempen "Sila Duduk di Rumah dan Baca Buku". Perkhidmatan digital u-Pustaka menghimpunkan sebanyak 59.2 juta kandungan digital bahan bacaan yang tersedia dalam lebih 20 pangkalan data. Rakyat Malaysia yang duduk dirumah telah memanfaatkan sepenuhnya perkhidmatan u-Pustaka ini. Statistik penggunaan perkhidmatan u-Pustaka telah melonjak sebanyak 251.0 % (Mac 2020) iaitu 1,667,459 juta berbanding bulan Februari 2020 sebanyak 474,031 ribu.

Peranan PNM untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada penerbit terus diperkukuhkan dengan adanya satu Sistem Depositori Kebangsaan (SDK) yang telah dibangunkan pada November 2020. Sistem dalam talian ini meliputi modul Pendaftaran Penerbit, Permohonan *International Standard Book Number (ISBN)*, *International Standard Serial Number (ISSN)* dan Pengkatalogan dalam Penerbitan (PdP).

PNM telah berjaya menyahut cabaran dalam program *Yellow Apron Challenge* di peringkat ASEAN iaitu *Read Me a Book: ASEAN-ROK Is Reading* yang dianjurkan oleh *National Library for Children and Young Adults*, Republik Korea. Bermula pada 15 Januari 2020 dan kemuncaknya adalah pada 23 April 2020 bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, seluruh komuniti perpustakaan di Malaysia telah memberi kerjasama yang padu dan jitu sehingga Malaysia telah dinobatkan sebagai juara *ASEAN-ROK is Reading*. Malaysia menduduki tempat pertama dengan pencapaian hantaran sebanyak 15,424 dan tempat kedua dimenangi oleh Negara Filipina dengan jumlah hantaran sebanyak 10,093.

PNM terus mengorak langkah dan merasa bangga dapat bekerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dalam menghasilkan kain corak rekaan Batik Hang Tuah yang diinspirasi daripada iluminasi Manuskrip Hikayat Hang Tuah (koleksi PNM) yang bertujuan untuk mengkomersialkan motif-motif yang terkandung dalam manuskrip tersebut.

Diharapkan PNM akan terus komited dan cemerlang pada masa akan datang.

Akhir kata, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga PNM dan jutaan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia yang terus menjadikan amalan membaca sebagai budaya dan gaya hidup.

Bacalah Malaysiaku!

MAIZAN BINTI ISMAIL



Visi, Misi Dan Objektif

Visi

“Memperkasa perkhidmatan perpustakaan dan maklumat berkualiti serta memelihara khazanah intelek negara bagi membentuk masyarakat berilmu”


Misi

“Pemacu perkhidmatan perpustakaan dan maklumat negara bertaraf dunia”

Objektif

- Menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- Memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara; dan
- Mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan

Lembaga Penasihat PNM



Lembaga Penasihat PNM



Pengerusi

YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid bin Bugo



Ahli Lembaga Penasihat

YBhg. Tan Sri Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latif bin Abu Bakar



Ahli Lembaga Penasihat

YBhg. Dato' Prof. Emer. Dr Ibrahim bin Ahmad Bajunid



Ahli Lembaga Penasihat

YBhg. Dato' Mohd Ali Hanafiah bin Mohd Yunus



Ahli Lembaga Penasihat

YBrs. Prof. Dr. Juhana binti Salim



Ahli Lembaga Penasihat

YBrs. Prof. Dr. Sohaimi bin Zakaria



Ahli Lembaga Penasihat

YBrs. Encik Mohd Zamri bin Mohd idrus



Ahli Lembaga Penasihat

YBrs. Encik Kamarul Baharin bin Haron



Ex-Officio

YBhg. Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat



Setiausaha

YBrs. Puan Maizan binti Ismail

Carta Organisasi



Carta Organisasi

Pengurusan



Menteri
PELANCONGAN
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI



Timbalan Menteri
PELANCONGAN
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

YB DATUK DR. JEFFREY G. KITINGAN



Ketua Setiausaha
KEMENTERIAN PELANCONGAN
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

YBHG. DATO' DR. NOOR ZARI BIN HAMAT



*Timbalan Ketua
Setiausaha (Kebudayaan)*
KEMENTERIAN PELANCONGAN
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

YBRS. CIK SARAYA BINTI ARBI



Ketua Pengarah

MAIZAN BINTI ISMAIL



*Timbalan
Ketua Pengarah*

DATIN JAMALIAH BINTI MOHD NAYAN



PENGAH
KHIDMAT PENGURUSAN
DAN SUMBER MANUSIA
SHAIFUL AZLI BIN
MAHAMAD NOR



TIMBALAN PENGAH
BAHAGIAN KHIDMAT
PENGURUSAN DAN
SUMBER MANUSIA
NORHAYATI BINTI MANAN



PENGAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
MODAL INSAN
WAN ROZAINI BIN
WAN IBRAHIM



TIMBALAN PENGAH
KANAN BAHAGIAN PERANCANGAN
STRATEGIK DAN ANTARABANGSA
MOHD AZMI BIN AZIZ



PENGAH
PERKHIDMATAN
KORPORAT
FADHILAH AINI BINTI
MD YUSOF



TIMBALAN PENGAH
BAHAGIAN KOMUNIKASI
KORPORAT
CHARLES BRILEE



PENGAH
BAHAGIAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT
NORAZWANA BINTI YUSOP



TIMBALAN PENGAH
BAHAGIAN GERAKAN
LITERASI MAKLUMAT
FATIMAH BINTI ABDUL HAI



KETUA UNIT INTEGRITI
WAN YUHAIMISHAM BIN
WAN YUSOFF

Pembangunan



PENGARAH PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT
EDY IRWAN BIN ZULKAFLI



TIMBALAN PENGARAH (K) BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PERPUSTAKAAN DESA
HASHIMAH BINTI MOHD YUSOFF



TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PERPUSTAKAAN DESA
RAMZY BIN MD TAHA



TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN
HASLINDA BINTI KASIM



TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN PENYELIDIKAN KOSONG



PENGARAH PEMBANGUNAN KOLEKSI
ANISATUL WAHIDAH BINTI ABDUL WAHID



TIMBALAN PENGARAH (K) PUSAT BIBLIOGRAFI NEGARA
RAZMAN BIN ABD RANI



TIMBALAN PENGARAH (K) PUSAT PENYERAHAN TERBITAN NEGARA
NASIMAH BINTI BADARUDDIN



TIMBALAN PENGARAH (K) BAHAGIAN PEMBINAAN KOLEKSI
SUHAILA BINTI ABD RAHMAN



TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN PEMULIHARAAN
ROSENAH BINTI ABDUL KARIM

Perkhidmatan



PENGARAH PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT
FAIZAL HILMIE BIN YUSOF



TIMBALAN PENGARAH (K) PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA DAN LUAR NEGARA
NORAINI BINTI SAIDIN



TIMBALAN PENGARAH PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA DAN LUAR NEGARA
NORLIZA BINTI MOHD NORDIN



TIMBALAN PENGARAH (K) PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU
RUZILAH BINTI EHSAN



TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN SUMBER ELEKTRONIK
ZAHUUDIN BIN SIDEK@SALLEH



PENGARAH PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN KOMUNITI
ALI BIN RASHID



TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN PINJAMAN
KASUMA DEWI BINTI SAID



PENGARAH PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERLIS
AZIZI BIN JANAN



PENGARAH PERPUSTAKAAN DIGITAL NEGARA
SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB



TIMBALAN PENGARAH (K) BAHAGIAN RANGKAIAN SISTEM PERPUSTAKAAN
AIDATUL HASNIDA BINTI ABDUL RANI



TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN KANDUNGAN DIGITAL
WAN MOHAMAD FAZALI BIN MOHD SALLEH



TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK DIGITAL
JAINI BINTI ONGGAI

Pengurusan Tertinggi PNM



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

NATIONAL LIBRARY OF MALAYSIA

فرقوستانكارن نگارا مليسيا



Pengurusan Tertinggi PNM



Ketua Pengarah

MAIZAN BINTI ISMAIL



Timbalan Ketua Pengarah

DATIN JAMALIAH BINTI MOHD NAYAN



Pengarah

KHIDMAT PENGURUSAN
DAN SUMBER MANUSIA

SHAIFUL AZLI BIN MAHAMAD NOR



Pengarah

PERKHIDMATAN KORPORAT

FADHILAH AINI BINTI MD YUSOF



Pengarah

PERKHIDMATAN
PERPUSTAKAAN
DIGITAL NEGARA

SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB

Pengurusan Tertinggi PNM



Pengarah

**BAHAGIAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT**

NORAZWANA BINTI YUSOP



Pengarah

PEMBANGUNAN KOLEKSI

**ANISATUL WAHIDAH BINTI
ABDUL WAHID**



Pengarah

**PERKHIDMATAN
RUJUKAN DAN
MAKLUMAT**

FAIZAL HELMI BIN YUSOF



Pengarah

**PRASARANA ILMU
DAN MAKLUMAT**

EDY IRWAN BIN ZULKAFLI



Pengarah

**PERPUSTAKAAN
CAWANGAN KOMUNITI**

ALI BIN RASHID



Pengarah

**PEMBANGUNAN
MODAL INSAN**

WAN ROZAINI BIN WAN IBRAHIM

Sekalung Penghargaan kepada Pengurusan Tertinggi yang Telah Bersara

*Sejambak kasih sekalung budi
Terukir kenangan kekal abadi*

*Timbalan
Ketua Pengarah*

*Pengarah Prasarana
Ilmu dan Maklumat*

*Pengarah
Perkhidmatan
Perpustakaan Digital*



SITI AISHAH BINTI SH. AB. KADIR
TEMPOH PERKHIDMATAN :
30 JANUARI 1986 - 10 MEI 2020




ABD RAHMAN BIN SUDIN
TEMPOH PERKHIDMATAN :
1 OGOS 1986 - 7 SEPTEMBER 2020



NOR O'BIDAHA BINTI ABIDIN
TEMPOH PERKHIDMATAN :
2 MEI 1995 - 2 OKTOBER 2020

Pencapaian Utama Dan Peristiwa Penting



**Gambar diambil sebelum pelaksanaan PKP.*

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat Pandemik COVID-19

Pandemik COVID-19 atau Koronavirus merupakan wabak penyakit yang melanda dunia sejak akhir tahun 2019. Wabak ini mula dikesan di bandaraya Wuhan, China dan diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Penyebaran wabak ini adalah melalui sentuhan manusia atau objek dan akan menyerang sistem pernafasan manusia melalui mulut, hidung dan mata hingga boleh menyebabkan maut. Bagi membendung wabak ini, pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan dengan menjaga penjarakan sosial dan kebersihan diri perlu diutamakan. Sehingga kini, lebih daripada berjuta kes COVID-19 telah disahkan dengan kematian yang tinggi direkodkan di seluruh dunia.

Oleh itu Kerajaan Malaysia telah mengambil keputusan meletakkan Malaysia di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Malaysia di seluruh negara bagi membendung penularan wabak COVID-19 mulai 18 Mac 2020. Pelbagai peraturan baharu telah diperkenalkan dan diperketatkan sepanjang tempoh PKP, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB). Dalam tempoh ini, rakyat perlu mengamal dan menerapkan norma kehidupan baharu dalam amalan kehidupan harian.

Kronologi Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP):

18 Mac 2020

Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin mengisytiharkan PKP berkuatkuasa daripada 18 hingga 31 Mac diseluruh negara bagi mengekang penularan COVID-19.

25 Mac 2020

Tempoh PKP dilanjutkan sehingga 14 April berikutan perkembangan semasa yang menyaksikan peningkatan kes positif COVID-19.

10 April 2020

Tempoh PKP dilanjutkan lagi sehingga 28 April untuk mengelakkan penularan kembali wabak COVID-19 selain memberi peluang kepada petugas kesihatan untuk memerangi virus berkenaan.

23 April 2020

Tempoh PKP dilanjutkan untuk tempoh dua minggu lagi sehingga 12 Mei.

1 Mei 2020

Kerajaan mengumumkan pelaksanaan PKPB dengan sebahagian besar aktiviti ekonomi dan sosial dibenarkan mulai 4 hingga 12 Mei.

10 Mei 2020

PKPB dilanjutkan sehingga 9 Jun dan pergerakan rentas negeri.

7 Jun 2020

Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin mengumumkan PKPB digantikan dengan PKPP yang menyaksikan lebih banyak kelonggaran diberi bermula 10 Jun sehingga 31 Ogos.

28 Ogos 2020

PKPP dilanjutkan sehingga 31 Disember

12 Oktober 2020

Kerajaan mengumumkan semula pelaksanaan PKPB di Sabah (13 hingga 26 Oktober) manakala Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya masing-masing 14 hingga 27 Oktober.

24 Oktober 2020

PKPB di seluruh Sabah dilanjutkan sehingga 9 November.

26 Oktober 2020

PKPB di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dilanjutkan sehingga 9 November.

7 November 2020

PKPB di semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Peris, Pahang dan Kelantan bermula 9 Nov sehingga 6 Disember

20 November 2020

PKPB di negeri Kedah, Melaka, Johor dan Terengganu ditamatkan pada 21 November.

5 Disember 2020

PKPB di seluruh Sabah dilanjutkan selama 14 hari bermula dari 7 Disember hingga 20 Disember.

18 Disember 2020

PKPB di Kuala Lumpur, Selangor dan Sabah serta beberapa lokaliti di negeri-negeri lain dilanjutkan hingga 31 Disember.

28 Disember 2020

PKPB di Kuala Lumpur, Selangor dan Sabah serta beberapa lokaliti di negeri-negeri lain dilanjutkan sehingga 14 Januari 2021.

Pencapaian Perpustakaan Negara Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sentiasa meningkatkan produktiviti perkhidmatan kepada pengguna dan rakyat agar seiring dengan perkembangan semasa bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti setanding dengan perkhidmatan perpustakaan di negara maju. Seiring dengan peredaran masa dan perkembangan teknologi terkini, PNM memastikan perkhidmatan yang disediakan dilengkapi dengan kemudahan teknologi semasa bagi keperluan pengguna selari dengan visi, misi dan objektif jabatan.



Read Me a Book: ASEAN-ROK is Reading

Read Me a Book: ASEAN-ROK is Reading anjuran *National Library for Children and Young Adults*, Republik Korea merupakan program berbentuk pertandingan secara dalam talian yang menggunakan mekanisme *read aloud* atau bercerita kepada kanak-kanak dengan memakai apron kuning. Ia mula dijalankan pada 15 Januari 2020 dan kemuncaknya adalah pada 23 April 2020 bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia. Program ini telah disertai oleh 9 buah Perpustakaan Negara ASEAN iaitu Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand, Vietnam dan termasuk Republik Korea. Hasil kerjasama daripada warga PNM, Perpustakaan Komuniti, petugas-petugas Perpustakaan Desa, Perpustakaan Gunasama, Perpustakaan Awam Negeri, Malaysia telah berjaya menjuarai pertandingan ini dengan memperolehi hantaran (*posting*) tertinggi di *Instagram* (IG) sebanyak 15,424 berbanding naib juara Negara Filipina dengan jumlah hantaran sebanyak 10,093.



Sijil Penghargaan ASEAN-ROK is Reading bagi pemenang tempat pertama.



Majlis kick-off disempurnakan oleh Puan Siti Aishah Sh. Ab. Kadir, Timbalan Ketua Pengarah PNM



*Gambar diambil sebelum pelaksanaan PKP.



Anugerah Perpustakaan Awam Ketua Menteri Sarawak 2020

PNM menerusi Perpustakaan Desa Kampung Hulu Maludam, Sarawak telah menerima Anugerah Perpustakaan Awam Ketua Menteri Sarawak 2020 dan Puan Saadiah Maliki, Penolong Pegawai Perpustakaan Desa Kampung Hulu Maludam, Sarawak telah menerima Anugerah Individu Cemerlang anjuran Perpustakaan Awam Ketua Menteri Sarawak pada 21 Oktober 2020. Inisiatif yang dijalankan oleh beliau adalah menjalankan Program Kelas Dewasa kepada lebih 50 orang komuniti Kampung Maludam sehingga mereka menjadi celik huruf.




Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang Anugerah Perpustakaan Awam Ketua Menteri Sarawak 2020



Pengurusan Kualiti Jabatan MS ISO 9001: 2015



PNM telah berjaya mengekalkan pensijilan semula MS ISO 9001: 2015 menerusi Audit Pemantauan yang telah dijalankan oleh SIRIM QAS *International* Sdn. Bhd. pada 26 - 28 Ogos 2020.



*Gambar ini diambil semasa pelaksanaan PKPP.



Portal Perkhidmatan u-Pustaka

PNM telah melancarkan “Kempen Sila Duduk di Rumah dan Baca Buku” dan telah menjadi tular di semua platform media sosial ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Kempen ini telah membantu masyarakat untuk mengisi waktu lapang di rumah dengan melayari perkhidmatan PNM secara dalam talian melalui portal u-Pustaka. Portal u-Pustaka telah menjadi tumpuan pengguna yang ingin mencari bahan bacaan secara dalam talian dan melalui perkhidmatan ini, sebanyak 13.2 juta kandungan digital telah disediakan yang mengandungi lebih 20 pangkalan data yang boleh diakses di mana sahaja pada bila-bila masa. Menerusi kempen ini yang dilaksanakan sehingga PKP pada Mac 2020, penggunaan u-Pustaka merekodkan penggunaan tertinggi sebanyak 1,667,459 iaitu peningkatan sebanyak 251% berbanding bulan Februari sebanyak 474,031. Begitu juga peminjaman bahan secara dalam talian telah menunjukkan peningkatan iaitu 13,759 pada Februari kepada 39,366 pada bulan Mac. Dari segi keahlian, peningkatan turut berlaku dan melonjak tinggi pada bulan Mac kepada 22,584 orang ahli.



Promosi u- Pustaka Sila Duduk di Rumah dan Baca Buku




*Gambar ini diambil dari media sosial PNM.



Sistem Depositori Kebangsaan

Selaras dengan peranan PNM sebagai agensi yang bertanggungjawab menyimpan dan memelihara koleksi khazanah warisan intelek negara di peringkat kebangsaan, PNM telah membangunkan Sistem Depositori Kebangsaan (SDK) pada November 2020. Sistem yang dibangunkan ini bertujuan meningkatkan perkhidmatan kepada penerbit khususnya bagi serahan bahan digital secara dalam talian seperti yang disyaratkan di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331). Sistem ini berupaya menerima dan menyimpan bahan perpustakaan dalam pelbagai format digital yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan kandungan bahan dan hak cipta digital (*Digital Right Management*).



Boleh diakses menerusi depositori.pnm.gov.my



PNM TV Channel

Bagi merencanakan promosi koleksi, perkhidmatan dan aktiviti PNM kepada masyarakat secara maya, Perpustakaan Negara Malaysia telah melancarkan PNM TV Channel dengan tagline 'Inspirasi, Informatif, Relevan' telah dilancarkan pada 4 September 2020. PNM TV Channel merupakan satu platform promosi perkhidmatan dan program PNM menerusi media sosial. Pada majlis yang sama PNM Tourism Passport juga dilancarkan iaitu merupakan *book pocket* yang membolehkan pemegang *passport* berkenaan untuk melawat PNM secara interaktif dengan teknologi AR/VR dan *Re@Re Technology*.



Sekitar Majlis Pelancaran PNM TV Channel dan PNM Tourism Passport.

*Gambar diambil semasa pelaksanaan PKPP.



Projek Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kinabatangan

Projek Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kinabatangan telah mula dibina pada 9 April 2018 dan siap sepenuhnya pada 25 September 2020. Projek ini dijangka akan mula dibuka kepada masyarakat setempat pada awal Februari 2021.



Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kinabatangan



Produk Batik Berinovatif Ragam Hias Manuskrip Hang Tuah


PNM dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan reka corak batik yang diilhamkan daripada ragam hias Manuskrip Melayu MSS 1713 Hikayat Hang Tuah koleksi PNM. Batik ini merupakan inspirasi daripada ragam hias Manuskrip Melayu. Rekaan ini diketengahkan bagi tujuan untuk memperkenalkan dan mempromosi ragam hias Manuskrip Melayu serta mengkomersialkan motif-motif yang terdapat di dalamnya. Pemilihan warna selain dari warna asal Manuskrip Melayu ianya juga disesuaikan dengan warna semasa. Fabrik yang digunakan adalah jenis satin bagi rekaan baju yang telah siap dijahit dan jenis *cotton* bagi kain yang belum dijahit.



Batik Hang Tuah



Pencapaian Perkhidmatan PNM Bagi Tahun 2020



Tahun 2020 seluruh negara dilanda pandemik COVID-19 namun penyampaian perkhidmatan diteruskan secara dalam talian melalui portal u-Pustaka.



Reading Seeds Peringkat Kebangsaan

Program *Reading Seeds* merupakan program literasi perkembangan awal kanak-kanak bermula dari peringkat bayi 0-3 tahun dan turut melibatkan peranan ibu bapa dalam memupuk budaya membaca. Program ini dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia bersama rakan strategik Pustaka Negeri Sarawak, dengan kerjasama Perpustakaan Awam Negeri & Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN). Bagi tahun 2020, sebanyak 7 negeri telah dijadikan projek rintis iaitu Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Terengganu dan Pahang. Sebanyak 7,000 *Kit Reading Seeds* telah diedarkan kepada semua peserta terlibat.



Penyerahan *Kit Reading Seeds* kepada para peserta.



*Gambar diambil sebelum pelaksanaan PKP.



Anugerah Buku PNM 2020

Anugerah Buku PNM 2020 telah dilaksanakan secara rakaman yang bersiaran pada 30 November 2020 menerusi Facebook rasmi PNM dan dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Acara penyampaian hadiah pula telah diadakan untuk memberikan penghargaan kepada pemain industri buku yang terdiri daripada penulis dan penerbit atas sumbangan mereka kepada pembangunan industri buku negara.



Ucapan Perasmian Majlis Anugerah Buku PNM 2020 oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.



Anugerah ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu Kategori Kanak-Kanak, Kategori Dewasa dan Kategori Pilihan Pembaca. Seramai 22 orang pemenang iaitu 11 penulis dan 11 penerbit memenangi wang tunai bernilai RM 3,500.00 setiap seorang beserta trofi dan sijil penghargaan.



Pemenang Anugerah Buku PNM 2020 bergambar bersama Ketua Pengarah PNM.

*Gambar diambil semasa pelaksanaan PKPB.



Program Membaca Perdana: Ekspresi Minda 2020

Program Membaca Perdana: Ekspresi Minda 2020 yang disemarakkan sepanjang bulan Julai secara fizikal dan dalam talian dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti pembacaan untuk semua lapisan masyarakat. Program anjuran PNM ini turut disertai oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Khusus dan Perpustakaan Desa PNM. Antara pengisian program adalah Bacaan Kegemaran Saya, Ceramah *Speed Reading*, Ceramah Terapi Jiwa: Kaedah Biblioterapi, Cabaran Minda Kreatif, Demonstrasi bersama Dr. Buku, Bengkel Teknik Bercerita dalam Talian, Pertandingan Ulasan Buku dalam Talian: Harapan Di Manakah Kamu, Wacana Manuskrip Melayu dan Uji Jawi.

Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori A (pelajar berumur 13 - 17 tahun) dan kategori B (umum berumur 18 tahun ke atas). Pertandingan berlangsung pada 28 Mac 2020 hingga 31 Mei 2020. Seramai 838 penyertaan diterima iaitu 320 orang bagi kategori A dan 518 orang bagi kategori B. Buku Kompilasi Penulisan Menempuh COVID-19: Suatu Pengalaman juga telah berjaya telah diterbitkan.

Promosi sepanjang Program Membaca Perdana: Ekspresi Minda

BACAAN KEGEMARAN SAYA

Gelombang
Pengarang: Usman Awang

bersama
Prof Madya Dr. Lim Swee Tin

LIVE

17 JULAI 2020 (Khamis)
10.00 PAGI

Ikuti Facebook Live kami di :
www.facebook.com/perpustakaannegaramalaysia

Ceramah
SPEED READING

oleh
Ahmad Yazid bin Ahmad
@ Abdul Rahman
Perpustakaan Kanan,
Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

27 JULAI 2020 | ISNIN
11.00 PAGI

Menerusi saluran
prmytube | PerpustakaanNegaraMalaysia

Ayah, tinggalkan dengan mereka di luar sana...
seperti program ini bermula untuk kita semua

BACAAN KEGEMARAN SAYA

Sun Tzu For Women
The Art of War for Winning in Business

bersama
Dr. Soo Wincci

LIVE

29 JULAI 2020 (Rabu)
2.30 PETANG

Ikuti Facebook Live kami di :
www.facebook.com/perpustakaannegaramalaysia

CERAMAH
Terapi Jiwa & Kaedah Biblioterapi

bersama
Puan Rafidah Abdul Aziz
Perpustakaan Kanan, Perpustakaan Makmur, USM
Perpustakaan Awam Negeri, Wajid, Kedah

16 JULAI 2020 (Khamis)
10.00 - 12.00 (TAMBAH PULAU)
LIVE



Pertandingan Penulisan

Akibat penularan wabak COVID-19 yang telah melanda seluruh dunia termasuk Malaysia hingga membawa kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berfasa oleh kerajaan mulai 18 Mac 2020, PNM telah mengambil inisiatif menganjurkan pertandingan penulisan ini yang dilaksanakan secara dalam talian menerusi media sosial PNM.

Promosi Pertandingan Penulisan
'Menempuh COVID-19: Suatu Pengalaman' dan Senarai Pemenang
Pertandingan Penulisan 'Menempuh COVID-19: Suatu Pengalaman'

Pertandingan Penulisan
'MENEMPUH COVID-19: SUATU PENGALAMAN'

Kongsikan emosi dan pengalaman suka-duka serta pengetahuan anda mengenai wabak **COVID-19**

JOM SERLAHKAN BAKAT DAN KREATIVITI ANDA!

TEMPOH PERTANDINGAN BERLANGSUNG
28 MAC 2020 - 31 MEI 2020

Menangi Hadiah LUMAYAN BERSERTA SUJIL

KATEGORI A (PELAJAR SEKOLAH - BERUMUR DARI 13-17 TAHUN)
KATEGORI B (UMUM) - BERUMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS


Penyertaan Percuma
Terbuka kepada semua warganegara Malaysia kecuali kakitangan dan ahli keluarga kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia

Imbas QR kod ini untuk maklumat lanjut atau muat turun borang dan syarat penyertaan di pautan ini <https://bit.ly/EseiCovid19> dan <http://tiny.cc/EseiCovid19>

Mantar penyertaan berserta maklumat lengkap peserta ke alamat e-mel bglinpnm@gmail.com

Pertanyaan lanjut:
Fatimah Abdul Halim: 012-6466276
Nurul Adhika Ahmad Ammar: 019-2614895
Nur Nabihah Al-Zahrah Mah: 019-9428159

www.pnm.gov.my | PerpustakaanNegaraMalaysia | PNM_Raman | pnm_raman | pnmyoutube



Pertandingan Penulisan
'MENEMPUH COVID-19: SUATU PENGALAMAN'
KATEGORI A (PELAJAR)

Tahniah

1. **MUHAMMAD ANSHAH ADNAN**
2. **MUHAMMAD RAFIQUH ANWAR**
3. **NUR HAFIZAH**

PEMENANG SAGUNATI

MUHAMMAD IMANUDDIN BIN MOHD ESA	XXXXXXXX-0017
MUHAMMAD SYAFIQ BIN SABARUDDIN	XXXXXXXX-0613
MUHADDZDZIB BIN ABD MANAFF	XXXXXXXX-00-0447
MOSES DAYAN MORRIS	XXXXXXXX-00-0957
MAN QI HUI	XXXXXXXX-00-1724
EMILYA SYUHADA BINTI SHAHARUDDIN	XXXXXXXX-00-0394
AMIRAH FARZANA BINTI AZAN	XXXXXXXX-00-0316
MIZA RAFIQAH BINTI MOHD SAFURI	XXXXXXXX-00-0232
MUHAMMAD AMMAR SYAATHIR BIN ABD RAHIM	XXXXXXXX-00-0319
MAN QI MIN	XXXXXXXX-00-1732

Untuk Maklumat Lanjut Sila Hubungi:
ARIKA 03-2687 4306 | UMS 03-2687 4306

Pertandingan Penulisan
'MENEMPUH COVID-19: SUATU PENGALAMAN'
KATEGORI B (UMUM)

Tahniah

1. **PUTI WEN HENG**
2. **NUR HAFIZAH**
3. **NUR HAFIZAH**

PEMENANG SAGUNATI

NOOR HAQIM BIN NOOR HAMIDDON	XXXXXXXX-00-5483
PUTERA AFIO AMANI BIN SULAIMAN	XXXXXXXX-00-5819
SARA BINTI BEDIEN	XXXXXXXX-00-5330
MASHUDI BIN BAHARI	XXXXXXXX-00-5689
SITI SHAMSIAH BINTI MD SUPU	XXXXXXXX-00-5142
SABRIANTUL ISLAMIAH BINTI ROSLY	XXXXXXXX-00-5122
NOOR HIDAYAH BINTI ABDUL JALIL	XXXXXXXX-00-5042
RAJIAH BINTI HASAN	XXXXXXXX-00-6766
ROHAIDA BINTI SA'AT	XXXXXXXX-00-6564
RAFIUDDIN BIN MOHD YUSOF	XXXXXXXX-00-5043

Untuk Maklumat Lanjut Sila Hubungi:
ARIKA 03-2687 4306 | UMS 03-2687 4306



Karnival Semarak Jawi Maya 2020

Bagi memartabatkan tulisan jawi sebagai khazanah warisan bangsa dan mendekatkan masyarakat dengan tulisan jawi, PNM telah menganjurkan Karnival Semarak Jawi Maya 2020 pada 24 - 25 November 2020 secara maya menerusi Facebook dan Instagram rasmi PNM. Sebanyak tujuh aktiviti berkonsep interaktif telah dilaksanakan bagi memeriahkan program tersebut. Antaranya adalah Bicara 'Jawi: Indahnya Warisan Kita', Bengkel Asas Tulisan Jawi Siri 1 & 2, Pertandingan Reka Inovasi Jawi, Pertandingan Pantun Jawi, Pertandingan Doodle Jawi dan Pameran Kebitaraan Manuskrip Melayu.

Promosi program/ aktiviti sepanjang Karnival Semarak Jawi Maya 2020



Hubungan Kerjasama PNM di Peringkat Antarabangsa



International Online Forum: With a Book in Quarantine: Libraries in a New Format.

Forum ini telah diadakan secara dalam talian pada 29 April 2020 anjuran Perpustakaan Negara Kazakhstan dan dihadiri oleh Ketua Pengarah PNM. Topik yang dibincangkan adalah mengenai peranan dan keperluan perkhidmatan perpustakaan dalam masa pandemik COVID-19.



Online Discussion with National Library and Archives of Iran: Impact of COVID-19 to Library Services.

Sesi perbincangan dua hala antara PNM dan Perpustakaan Negara Iran ini telah diadakan pada 18 Mei 2020 secara dalam talian. Antara perkara yang dibincangkan ialah pengalaman dan idea dalam pengurusan perpustakaan semasa pandemik COVID-19.



Leaders' Conversations: National Libraries in the Post-COVID-19 World.

Persidangan ini dianjurkan oleh *National Library Board of Singapore* pada 18 September 2020 secara dalam talian. Dalam persidangan ini PNM telah membentangkan mengenai pengurusan, program serta peranan yang dimainkan oleh PNM sewaktu pandemik COVID-19.



1st Southeast Asian Librarians Leadership Convergence

Persidangan dalam talian ini dianjurkan oleh *Philippine Library and Information Science (LIS) profession as the Professional Regulation Commission (PRC) and the Professional Regulatory Board for Librarians (PRBFL)* dengan kerjasama *Philippine Librarians Association, Inc. (PLAI)* pada 10 - 11 November 2020. Ianya disertai oleh 180 perwakilan dari pelbagai persatuan perpustakaan, termasuk pensyarah-pensyarah *Library Information Science*. Persidangan ini dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah PNM, Datin Jamaliah binti Mohd Nayan.



2020 IFLA General Assembly

Persidangan tahunan terbesar bagi profesion pustakawan ini telah diadakan di *The Hague, Netherland* dan disiarkan secara langsung melalui *platform Zoom* dan *Youtube* pada 5 November 2020.



Pengurusan Perpustakaan



**Gambar diambil semasa pelaksanaan PKPP.*

KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

Perpustakaan Negara Malaysia adalah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia yang diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah dan Timbalan Pengarah.

Struktur Organisasi Jabatan terbahagi kepada tiga (3) aktiviti dan sepuluh (10) sub-aktiviti yang diketuai oleh Pengarah dan 22 bahagian yang diketuai oleh Timbalan Pengarah.



Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia bertanggungjawab menyediakan khidmat sokongan dari segi pentadbiran, perolehan dan aset, pengurusan sumber manusia dan kewangan.



Unit Pentadbiran

Unit Pentadbiran merupakan unit yang merancang dan menguruskan pentadbiran Jabatan yang merangkumi penyelenggaraan dan pembaikan, sewaan kemudahan keselamatan bangunan, pengurusan kenderaan, pengurusan rekod dan fail, kerja-kerja pembersihan dan landskap Jabatan.

Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan PK 2.4 (lanjutan tempoh kontrak bagi kontrak yang terkesan oleh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) telah meluluskan supaya kontrak syarikat Kejuruteraan Desir Emas Sdn. Bhd dilanjutkan bermula 15 November 2020 hingga 14 April 2021. Penyenggaraan bangunan PNM dijalankan oleh Syarikat Kejuruteraan Desir Emas Sdn. Bhd.

Bagi perkhidmatan pembersihan di Premis PNM, Wisma Sejarah dan Perpustakaan Awam Bukit Damansara (PABD) serta penjagaan landskap di premis PNM dijalankan oleh Syarikat ZB I Tech Sdn Bhd mulai 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2021. Kerajaan melalui surat bertarikh 27 Ogos 2020 memaklumkan untuk Tambahan Skop Perkhidmatan Kebersihan bagi Perkhidmatan Sanitasi di Premis PNM, Wisma Sejarah dan Perpustakaan Awam Bukit Damansara (PABD) mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021.

Manakala bagi perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api di PNM diuruskan oleh Syarikat *Lans Force* Sdn Bhd mulai 15 Ogos 2020 hingga 14 Ogos 2022.



Prestasi dan Pencapaian Unit Perolehan dan Aset

Sehingga akhir tahun 2020, sebanyak 4,123 harta modal dan 40,514 aset alih bernilai rendah di ibu pejabat PNM dan Perpustakaan Desa telah diselia. Manakala urusan melaksanakan perolehan secara tender dan sebut harga, pembelian terus dan pesanan kontrak sistem ePerolehan seperti berikut:

BIL.	PEROLEHAN	BILANGAN	NILAI PEROLEHAN (RM)
1	Tender	3	4,549,692.47
2	Sebut Harga	19	4,106,535.79
3.	Pesanan Kerajaan (PO)	238	1,566,266.46
4.	Pesanan Kontrak (CO)	133	6,653,607.15
JUMLAH		393	16,876,101.87

Turut dilaksanakan adalah 28 perolehan secara kelulusan khas iaitu tujuh belas (17) langganan pangkalan data, enam (6) perolehan koleksi Manuskrip Melayu, satu (1) perolehan koleksi Bahan Nadir, dua (2) perolehan koleksi Peribadi dan dua (2) rundingan terus yang keseluruhannya berjumlah sebanyak RM4,680,783.98.



Unit Pengurusan Sumber Manusia

Unit ini dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan urusan kakitangan dan perkhidmatan, pengurusan prestasi, kemajuan kerjaya, keperluan tenaga kerja dan merancang pembangunan organisasi supaya menjadi sebuah organisasi yang cekap dan berkesan.

Perjawatan PNM

Pada tahun 2020, PNM mempunyai sebanyak 512 perjawatan pelbagai gred dan skim perkhidmatan termasuk perjawatan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs) berikutan pengambilalihan khidmat pengurusan dan sumber manusia PPANPs di bawah Perpustakaan Negara Malaysia sejak 16 Mei 2010. Ringkasan kedudukan perjawatan di Ibu Pejabat PNM adalah seperti berikut:


KATEGORI	JAWATAN	ISI	KOSONG
Pengurusan	2	2	0
Pengurusan & Profesional	147	132	15
Pelaksana	363	318	46
JUMLAH	512	452	61

Dari keseluruhan perjawatan tersebut, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara adalah merupakan Ketua Perkhidmatan kepada lima (5) Skim Perkhidmatan seperti berikut:



Perjawatan Kader PNM

PNM juga mempunyai sejumlah perjawatan pelbagai gred di bawah Ketua Perkhidmatan PNM yang ditempatkan di agensi-agensinya seperti berikut:



Lantikan Baharu

Seramai 29 orang lantikan baharu telah melapor diri pada tahun 2020 seperti berikut:

BIL	JAWATAN	TARIKH LAPOR DIRI	JUMLAH
1.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41	21.11.2020	1
2.	Pustakawan S41	01.12.2020	3
BIL.	JAWATAN	TARIKH LAPOR DIRI	JUMLAH
3.	Pembantu Pustakawan Gred S29	22.06.2020	3
4.	Penolong Pegawai Tadbir Gred N29	15.02.2020	1
5.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19	22.06.2020	1
6.	Pembantu Pustakawan Gred S19	03.02.2020	8
		22.06.2020	5
		01.09.2020	5
		02.11.2020	2
JUMLAH			29



Perpustakaan Desa PNM

Perpustakaan Desa telah ditubuhkan sejak tahun 2005 dan kini terdapat sebanyak 507 buah Perpustakaan Desa seluruh negara. PNM telah diluluskan struktur perjawatan Perpustakaan Desa bertaraf 'Contract of Service' seperti berikut:



Perpustakaan Komuniti PNM

Sehingga kini PNM telah diluluskan sebanyak 9 jawatan bertaraf 'Contract of Service' pelbagai gred iaitu Penolong Pustakawan Gred S19 (1 jawatan), Pembantu Pustakawan Gred S19 (4 jawatan) dan Pembantu Operasi Gred N11 (4 jawatan) di lima (5) buah Perpustakaan Komuniti seperti berikut:

- Perpustakaan Komuniti JUSCO, AEON Mahkota Cheras (2010)
- Perpustakaan Komuniti JUSCO, AEON AU2 Setiawangsa (2011)
- Perpustakaan Komuniti Damansara Kuala Lumpur (2013)
- Perpustakaan Komuniti UTC Keramat Mall (2014)
- Perpustakaan Komuniti Radia, Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor (2018)



Persaraan

Pada tahun 2020, seramai 11 orang anggota PNM terlibat dalam urusan persaraan wajib, persaraan pilihan dan persaraan terbitan seperti berikut:

BIL.	NAMA	JAWATAN	BAHAGIAN	TARIKH BERSARA	JENIS PERSARAAN
1	Nor Aini Binti Mohamed Noor	Jurufotografi Gred B22	Bahagian Sumber Eletronik	01.01.2020	Pilihan
2	Rohisham Bin Mansor	Pembantu Operasi Gred N14	Pusat Penyerahan Terbitan Negara	06.01.2020	Pilihan
3	Ishak Bin Haron	Pembantu Pemuliharaan Gred S17	Bahagian Pemuliharaan	14.02.2020	Wajib
4	Siti Aishah Binti Sh. Ab Kadir	Timbalan Ketua Pengarah Gred Utama C	Pengurusan Tertinggi	10.05.2020	Wajib
5	Patimah Binti Abd Rahman	Pembantu Pustakawan Gred S22	Bahagian Pinjaman	04.06.2020	Wajib
6	Abd Rahman Bin Sudin	Pustakawan Gred S54	Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat	07.09.2020	Wajib
7	Nor O'baidah Binti Abidin	Pustakawan Gred S54	Pengarah Perpustakaan Digital Negara (PERDANA)	02.10.2020	Pilihan
8	Nor Shah Binti Mohamad Nor	Setiausaha Pejabat Gred N32	Perkhidmatan Rujukan Malaysiana	13.10.2020	Wajib
9	Zainudin Bin Ahamad	Pembantu Operasi Gred N14	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia	05.11.2020	Wajib
10	Siti Syuhada Binti Yusoff	Pembantu Pustakawan S19	Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara	24.08.2020	Terbitan
11	Nor Azlina Binti Abdul Wahab	Pembantu Pustakawan S19	Bahagian Pembinaan Koleksi	21.10.2020	Terbitan



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019 bertujuan meraikan pegawai-pegawai yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang dan sebagai satu pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan pegawai. Pada tahun 2020, seramai 37 orang anggota PNM telah dipilih sebagai penerima anugerah ini.



KUMPULAN PERKHIDMATAN	BIL.	NAMA	GRED	BAHAGIAN
Kumpulan Pengurusan Dan Profesional	1.	Abd Rahman Bin Sudin	Pustakawan Gred S54	Prasarana Ilmu dan Maklumat
	2.	Wan Rozaini Bin Wan Ibrahim	Pustakawan Gred S48	Bahagian Pembangunan Modal Insan
	3.	Wan Mohamad Fazali Bin Mohd Salleh	Pustakawan Gred S48	Bahagian Kandungan Digital
	4.	Norhasliza Binti Mohd Razali	Pustakawan Gred S44	Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan
	5.	Adam Zulkarnain Bin Saleng	Pustakawan Gred S44	Bahagian Penyelidikan Perpustakaan
	6.	Mohd Izani Bin Che Jaafar @ Mohd Zainal	Pustakawan Gred S44	Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
	7.	Suriati Binti Ein	Pustakawan Gred S44	Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu
	8.	Nur Diyana Binti Samsudin	Akauntan Gred WA41	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
	9.	Zaiton Binti Hassan	Pustakawan Gred S41	Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
	10.	Kamaruzzaman Bin Soaid	Pustakawan Gred S41	Bahagian Pembangunan Dan Perpustakaan Desa
	11.	Nor Shamsinar Binti Baharom	Pustakawan Gred S41	Bahagian Pengurusan Projek Digital
	12.	Suhaida Binti Mohamad	Pustakawan Gred S41	Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan
	13.	Nur Azidah Binti Azizan	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44	Bahagian Teknologi Maklumat

KUMPULAN PERKHIDMATAN	BIL.	NAMA	GED	BAHAGIAN
Kumpulan Pelaksana 1	14.	Mohd Hafiz Bin Zulkiffeli	Pen. Akauntan Gred W29	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
	15.	Mohammad Yasridz Bin Mohammad Yatim	Pen. Peg. Tadbir Gred N29	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
	16.	Mohd Khoddri Bin Ramli	Pen. Pustakawan Gred S29	Pusat Bibliografi Negara
	17.	Akmal Fardhiana Binti Muhamad	Pen. Pustakawan Gred S29	Bahagian Pinjaman
	18.	Rabiatun Ada'wiyah Binti Abd Hamid	Pen. Akauntan Gred W29	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs)

KUMPULAN PERKHIDMATAN	BIL.	NAMA	GED	BAHAGIAN
Kumpulan Pelaksana 2	19.	Wan Salbiah Binti Mohd Khalil	Pem. Pustakawan Gred S26	Bahagian Pembinaan Koleksi
	20.	Yasmin Binti Zulkepli	Pem. Pustakawan Gred S22	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
	21.	Nurhaida Binti Mohd Noh	Pem. Pustakawan Gred S22	Pusat Bibliografi Negara
	22.	Aizuddin Bin Che Ahmad	Pem. Pemuliharaan Gred S22	Bahagian Pemuliharaan
	23.	Nuruljannah Binti Lesen	Pem. Pustakawan Gred S19	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
	24.	Noraslini Binti Abdul	Pem. Pustakawan Gred S19	Bahagian Komunikasi Korporat
	25.	Nurdiana Binti Azhar	Pem. Pustakawan Gred S19	Bahagian Pembinaan Koleksi
	26.	Muhamad Haris Bin Ahmad Puzi	Pem. Pemuliharaan Gred S19	Bahagian Pemuliharaan
	27.	Siti Farhana Binti Ismail	Pem. Pustakawan Gred S19	Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
	28.	Noor Hidayah Binti Muhamad	Jurufoto Gred B19	Bahagian Sumber Elektronik
	29.	Sarrah Noorema Binti Sukri	Pem. Pustakawan Gred S19	Bahagian Pinjaman
	30.	Saripah Suhaila Binti Sultan	Pem. Pustakawan Gred S19	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs)
Kumpulan Pelaksana 3	31.	Mohd Hafi Bin Mohd Hassan	Pem. Operasi Gred N14	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
	32.	Suhaizah Binti Ali	Pem. Operasi Gred N14	Bahagian Pembinaan Koleksi
	33.	Ibnu Ridzwan Bin Zulkupli	Pem. Operasi Gred N11	Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa
	34.	Azlan Bin Md Ali	Pem. Operasi Gred N11	Bahagian Pembinaan Koleksi
	35.	Muhammad Shollahuddin Bin Zakaria	Pem. Operasi Gred N11	Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
	36.	Laila Binti Ibrahim	Pem. Operasi Gred N11	Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara

INTEGRITI

Unit Integriti



Fungsi Teras



Prestasi dan Program / Aktiviti

Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan pada tahun 2020 selaras dengan fungsi unit yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil 6 Tahun 2013 bagi meningkatkan, mengukuhkan dan membudayakan integriti dalam kalangan warga PNM serta amalan tadbir urus yang baik dalam organisasi.

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PNM

Selari dengan strategi 2.1.5 Pelan Antirasuah Nasional (NACP 2019-2023), PNM telah melantik Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) sebagai konsultan Pembangunan Pelan Antirasuah PNM 2021-2025. Jawatankuasa dipengerusikan oleh Encik Shaiful Azli Mahamad Nor, Pengarah KPSM dan dianggotai oleh 29 orang sebagai ahli. Lima (5) bidang keutamaan dan strategi telah dikenal pasti manakala 19 inisiatif jangka masa pendek (1-2 tahun) dan 76 inisiatif jangka masa panjang (3-5 tahun) telah diwujudkan. Sebanyak 4 sesi bengkel/ taklimat telah diadakan bagi pembangunan pelan ini.

Bil	Program	Tarikh
1	Taklimat Pelan Antirasuah Organisasi	1 September 2020
2	Bengkel Analisis Data	17 September 2020
3	Bengkel Perancangan Senario Pelan Antirasuah Organisasi PNM 2021-2025 (Fizikal dan Maya)	11-13 November 2020
4	Pembentangan Inisiatif Pelan Antirasuah Organisasi PNM 2021-2025	24 Disember 2020



Semakan Pematuhan Terhadap Peraturan

Sebanyak lapan (8) semakan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa diadakan sepanjang tahun 2020.

Bil	Jenis Semakan	Bahagian
1	Penerimaan Perkhidmatan Bengkel Pemantapan Modul Literasi Media dan Maklumat Ketujuh: Modul Penciptaan Pengetahuan @ <i>Knowledge Creation</i>	Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
2	Penerimaan Perkhidmatan Bengkel Terapi Jiwa: Kaedah Biblioterapi	
3	Penerimaan Perkhidmatan Merekabentuk dan Mencetak Bahan Promosi Klinik Jawi	
4	Penerimaan Perkhidmatan Bengkel Pemurnian Jadual Spesifikasi Ujian	Bahagian Pembangunan Modal Insan
5	Penerimaan Perolehan Bahan-Bahan Untuk Aktiviti	Bahagian Pinjaman
6	Penerimaan Perkhidmatan Pembekalan Penyangkut Peta	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
7	Pematuhan Tatacara Pelupusan Komputer dan Perabot	Bahagian Pinjaman
8	Pematuhan Tatacara Pelupusan Mesin Mikrofilem	Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara



Pengurusan Tatatertib

Sebanyak dua (2) pengurusan tatatertib terhadap pegawai PNM telah dilaksanakan yang melibatkan tiga (3) jenis pertuduhan berikut:

1. Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah;
2. Memalsukan Cuti Sakit; dan
3. Tidak Ketik Kad Perakam Waktu.

Walau bagaimanapun, hanya satu (1) pengurusan tatatertib diselesaikan pada tahun 2020 manakala baki satu (1) keputusan tatatertib ditangguhkan ke tahun 2021.




Penguhan Integriti

- Sebanyak 28 hebahan poster peraturan dan nilai-nilai murni bagi mengingatkan warga PNM mengenai peraturan - peraturan yang harus dipatuhi. Hebahan ini telah disebarikan melalui e-mel bermula Jun sehingga Disember 2020.
- Sebanyak 26 poster juga berkaitan amalan nilai murni dalam usaha memberi dan memperingatkan kakitangan jabatan mengenai amalan nilai murni yang menjadi tonggak perkhidmatan turut diedarkan.



Taklimat Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

Taklimat Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 telah diadakan kepada semua pegawai lantikan baharu dalam tahun 2020. Taklimat ini bertujuan memberi pendedahan dan kesedaran awal kepada pegawai baharu mengenai peraturan yang harus dipatuhi apabila menjadi kakitangan dalam sektor awam.



Penerbitan e-buku Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Perpustakaan Negara Malaysia 2020-2023

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Perpustakaan Negara Malaysia telah diwujudkan pada 2019 menyenaraikan 22 potensi risiko rasuah. Daripada jumlah itu, 2 risiko dikategorikan sebagai tinggi, signifikan, 5 sederhana dan 7 rendah. Pelan ini mengandungi 15 Pelan Tindakan Risiko Rasuah bagi menangani potensi risiko selain risiko rendah. Sebagai rujukan sebuah buku iaitu Pelan Risiko Rasuah Perpustakaan Negara Malaysia 2020-2023 telah diterbitkan pada tahun 2020.



PERKHIDMATAN KORPORAT

Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa



Pemukiman Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia 2019-2023

Pelan Strategik PNM 2019-2023 merupakan dokumen rujukan utama yang menentukan hala tuju dan fokus utama PNM bagi tempoh lima tahun. Dokumen ini menjadi petunjuk prestasi utama (KPI), piagam pelanggan, objektif kualiti dan Sasaran Kerja Tahunan Jabatan.

Pemukiman Pelan Strategik PNM 2019-2023 telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 23-24 Julai 2020 dan pada 14-15 Disember 2020 di Aras 5, Bangunan Anjung Bestari untuk menganalisis pencapaian Pelan Strategik PNM bagi tahun 2020.

Enam kumpulan teras telah dibentuk bagi membincangkan analisis pencapaian dan perancangan untuk tahun 2021.



Ahli Kumpulan Teras Pemukiman Pelan Strategik PNM 2019-2023

**Gambar diambil semasa pelaksanaan PKPP dan PKPB mengikut tarikh program.*

Bahagian ini selaku urus setia kepada mesyuarat utama Jabatan telah dapat menguruskan mesyuarat-mesyuarat seperti berikut:





Lembaga Penasihat PNM

Lembaga Penasihat PNM ditubuhkan di bawah Seksyen 5 dan 6, Akta Perpustakaan Negara 1972 (mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2016). Ia berfungsi untuk menasihati Ketua Pengarah PNM dalam hal ehwal kemajuan perpustakaan. Keanggotaannya terdiri daripada seorang Pengerusi dan tujuh orang anggota lain yang dilantik oleh Menteri. Ketua Setiausaha MOTAC bertindak sebagai *ex-officio* dan Ketua Pengarah PNM sebagai Setiausaha.

Pada tahun 2020, Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM diadakan pada 22 Disember 2020 secara sidang video. Berikut adalah senarai nama Ahli Lembaga Penasihat:

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid bin Bugo	Pengerusi
2.	YBhg. Tan Sri Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff bin Abu Bakar	Ahli
3.	YBhg. Dato' Mohd Ali Hanafiah bin Mohd Yunus	Ahli
4.	YBhg. Dato' Prof. Emeritus Dr. Ibrahim bin Ahmad Bajunid	Ahli
5.	YBrs. Prof. Dr. Juhana binti Salim	Ahli
6.	YBrs. Prof. Dr. Sohaimi bin Zakaria	Ahli
7.	YBrs. Encik Mohd Zamri bin Mohd Idrus	Ahli
8.	YBrs. Encik Kamarul Bahrin bin Haron	Ahli
9.	YBhg. Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat	<i>Ex-officio</i>
10.	YBrs. Puan Maizan binti Ismail	Setiausaha





Mesyuarat Persidangan Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Universiti (PERPUN)

Mesyuarat PERPUN adalah mesyuarat di antara Ketua Pustakawan Universiti Awam dan Universiti Swasta bersama Ketua Pengarah PNM yang diadakan sekali setahun. Mesyuarat ini telah diadakan pada 28 September 2020 di Bilik Mesyuarat Lembaga, Aras 15 PNM.



Urusan Parlimen

Pada tahun 2020, PNM telah menerima sebanyak 9 pertanyaan Parlimen iaitu 7 pertanyaan Dewan Rakyat dan 2 pertanyaan Dewan Negara tentang program galakan membaca, pembangunan perpustakaan desa, perpustakaan digital, industri buku, Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia (KLWBC) 2020, e-Book, statistik perpustakaan di Malaysia dan pemeliharaan khazanah warisan intelek (Manuskrip Melayu).





Lawatan dan Program/Aktiviti PNM dengan Kedutaan Asing dan Badan Antarabangsa Tahun 2020

PNM telah menerima lawatan dan mengadakan program/aktiviti dengan kedutaan asing dan badan antarabangsa seperti berikut:

BIL.	NEGARA / NAMA PROGRAM	TARIKH
1.	<i>Embassy of the Republic of Kazakhstan in Malaysia</i>	13 Februari 2020
2.	<i>Opening of the Abay Centre of Kazakh Literature & Culture Embassy of Kazakhstan</i>	13 Oktober 2020
3.	<i>The Embassy of Republic of Tajikistan in Kuala Lumpur</i>	20 November 2020



Kunjungan Hormat Oleh Kedutaan Kazakhstan Di Malaysia



Perbincangan mengenai kerjasama antara Ketua Pengarah, PNM dan H.E Bolat Imanbayev, Kedutaan Kazakhstan di Malaysia



Majlis Pembukaan Abay Centre of Kazakh Literature & Culture

**Gambar diambil sebelum pelaksanaan PKP.*



Kunjungan hormat oleh H.E Ardasher S. Qadiri, Kedutaan Tajikistan di Malaysia



**Gambar diambil semasa pelaksanaan PKPB.*



Pencapaian Indeks Piagam Pelanggan

Dalam memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan, perancangan strategik dan jangka pendek PNM juga dipacu oleh 8 Piagam Pelanggan yang mengambil kira keupayaan pelaksanaan dan impaknya kepada organisasi dan pelanggan perpustakaan. Pada tahun 2020, pencapaian Piagam Pelanggan PNM telah menunjukkan pencapaian yang memberansangkan iaitu 97.4 %.




Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Objektif utama KIK adalah untuk:

- (i) melahirkan satu kumpulan KIK yang kreatif dan produktif serta terbaik untuk mewakili Jabatan;
- (ii) menjana pemikiran kreatif dan kritis untuk menyelesaikan permasalahan dalam kerja seharian; dan
- (iii) memberi pendedahan dan pengalaman kepada kakitangan menyertai Konvensyen KIK peringkat Jabatan, Kementerian dan Kebangsaan.

Sebanyak enam (6) cadangan projek KIK telah dikenal pasti seperti berikut:



Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Bagi tujuan pelaksanaan EKSA Jabatan, beberapa program/aktiviti EKSA telah dirancang iaitu Lawatan Penanda Aras EKSA dan Majlis Pelancaran Logo dan Gotong-Royong Perdana EKSA. Namun aktiviti ini terpaksa ditangguhkan berikutan peningkatan kes pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKPB yang berkuatkuasa pada 14 Oktober - 9 November 2020 dan pada 10 November - 6 Disember 2020.

Namun, pertandingan mencipta logo EKSA PNM telah mendapat sambutan yang baik daripada warga PNM. Sebanyak 23 penyertaan telah diterima.



"Persekitaran Kondusif, Pekerja Efektif"



Perkhidmatan Korporat

Bahagian Komunikasi Korporat

Bahagian Komunikasi Korporat bertanggungjawab dalam menguruskan perhubungan awam, pengurusan media, aduan awam, aktiviti promosi dan publisiti, keahlian PNM, pameran dan penerbitan Jabatan.

Prestasi dan Pencapaian



Poster dan Montaj Kempen Keahlian secara dalam talian

Maklum Balas Pelanggan

Sebanyak 26 maklum balas telah diterima bagi tahun 2020. Kategori maklum balas adalah seperti berikut:



Sepanjang tahun 2020, PNM telah menerima keahlian baharu seramai 7,684 orang. Jumlah keahlian kumulatif PNM sehingga 31 Disember 2020 adalah seramai 1,338, 979 orang. Pada tahun 2020, Unit Keahlian telah giat melaksanakan kempen keahlian menerusi media sosial sebagai platform utama kerana penularan wabak COVID-19.

Analisa Perbandingan Maklum Balas Keseluruhan bagi Januari hingga Disember 2019 dan 2020.

Bil.	Januari- Disember 2019	Januari – Disember 2020
1.	Bilangan Maklum Balas (61) <ul style="list-style-type: none"> 24 Aduan 10 Cadangan 12 Penghargaan 	Bilangan Maklum Balas (26) <ul style="list-style-type: none"> 12 Aduan 7 Cadangan 9 Penghargaan
2.	Aduan Berulang <ul style="list-style-type: none"> Petugas Kaunter Pengawal Keselamatan Merokok Penyelenggaraan Tandas, Pendingin Hawa dan Komputer Gelandangan 	Aduan Berulang <ul style="list-style-type: none"> Petugas Kaunter Merokok Penyelenggaraan Pendingin Hawa



Analisis bagi Januari hingga Disember 2020 menunjukkan bahawa:

- Terdapat penurunan maklum balas sebanyak 57.4%
- Trend aduan juga didapati menurun sebanyak 50%
- Tiada aduan berulang bagi isu Pengawal Keselamatan dan Gelandangan

Faktor penurunan maklum balas pelanggan secara keseluruhan disebabkan oleh penutupan perkhidmatan bagi tempoh Perkhidmatan Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 16 Mac 2020 dan lanjutan PKPB dan PKPP.



Publisiti Dan Promosi Aktiviti Jabatan

Sebanyak 177 program / aktiviti serta perkhidmatan PNM telah mendapat liputan daripada media massa dan media elektronik. Antara media yang membuat liputan adalah RTM, BERNAMA, Berita Harian, Sinar Harian, Astro Awani Online, Radio Nasionalfm, KLFM, Era, Sinar dan IKIM. Manakala sebanyak 116 aktiviti promosi telah dijalankan sepanjang tahun 2020 untuk meningkatkan imej serta menyebarkan luas inisiatif yang dilaksanakan oleh PNM.



12 April 2020-S4-Pertandingan Penulisan Kreatif menawarkan hadiah lumayan



Pameran

Pameran merupakan salah satu aktiviti promosi yang digunakan untuk menarik pengunjung datang ke perpustakaan melalui paparan pelbagai jenis maklumat mengikut tema pameran yang disediakan. Namun demikian, impak COVID -19 pada tahun 2020 telah menyebabkan penurunan penganjuran pameran secara fizikal.

Namun begitu, PNM telah menganjurkan lima pameran maya dan satu pameran fizikal yang diadakan di luar jabatan. Senarai pameran adalah seperti berikut:

- Pameran Manuskrip Melayu Sempena Majlis Penyampaian Sijil Anugerah Standard Pelancongan ASEAN (2020-2022)
- Pameran Maya: *The Hidden Paradise*
- Pameran Maya : Karya Tempatan Bangsa Melayu
- Pameran Maya : Robotik dan Animasi Sempena Karnival I.R 4.0
- Pameran Maya : Anugerah Buku PNM
- Pameran Maya Sempena Karnival Literasi Media dan Maklumat Perdana@PNM





Lawatan

PNM telah menerima sebanyak 17 lawatan daripada pelawat dalam negara dengan seramai 457 orang pelawat yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian awam / swasta, sekolah dan orang awam.




Kunjungan hormat Pengerusi Lembaga Pengarah PAPANPs

**Gambar diambil sebelum pelaksanaan PKP.*



Penerbitan

Penerbitan buku merupakan salah satu cara PNM dalam menyebarkan luas maklumat kepada masyarakat umum. Unit Penerbitan telah menyelaraskan 19 penerbitan bercetak dan 12 terbitan dalam talian. Selain itu, bagi meningkatkan jualan terbitan, BKK telah mempergiatkan aktiviti promosi menerusi media sosial jabatan dan hasil jualan yang dimiliki pada tahun 2020 adalah sebanyak RM43,628.32.



Bahagian Gerakan Literasi Maklumat



“Jom Baca Bersama 2020”

Program “Jom Baca Bersama 2020” telah diadakan pada 23 April 2020 bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun. Program ini dijayakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Majlis Pengarah-pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) dan semua sektor perpustakaan di seluruh Malaysia. Pada tahun 2020, program ini telah diangkat sebagai satu program utama PNM sempena Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 dan Dekad Membaca Kebangsaan.



Berikutan pandemik COVID-19, program telah dilaksanakan secara siaran langsung rakaman dalam talian menerusi laman rasmi *facebook* PNM. Pengisian program Jom Baca Bersama 2020 adalah Sesi Bacaan Kegemaran Saya (BKS), Persembahan Pantun dan Puisi Pembacaan serta Sesi Membaca Serentak “Jom Baca Bersama” (*Let's Read Together*)

Jumlah keseluruhan peserta yang terlibat dalam program ini di seluruh Malaysia adalah seramai 1,389,774 orang. Jumlah peserta mengikut negeri adalah seperti berikut:



Aktiviti “Jom Baca Bersama 2020”
bersama keluarga di rumah



*Gambar ini diambil dari media sosial PNM.



Program Literasi Media Dan Maklumat Perdana@PNM Maya

Program Literasi Media dan Maklumat Perdana@PNM Maya diadakan bersempena sambutan *Global Media and Information Literacy Week* oleh UNESCO pada 24-31 Oktober setiap tahun. Sambutan ini bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan dan memberi pendedahan kemahiran literasi maklumat dalam kalangan rakyat Malaysia. Sebanyak 7 pengisian program telah dilaksanakan sepanjang minggu Literasi Media dan Maklumat Perdana@PNM Maya ini.



Kuiz Intelik Literasi Media Dan Maklumat

Kuiz ini dibahagikan kepada 3 tahap iaitu, tahap asas, pertengahan dan tahap lanjutan. Seramai 1,386 orang telah menyertai kuiz ini.

Pemenang Kuiz Intelik LMM





Diskusi Literasi Media dan Maklumat: Kemahiran dan literasi dalam membendung berita palsu.

Sesi ini telah disampaikan oleh Encik Yazid Ibrahim, Pustakawan PNM. Diskusi ini mendapat 6,645 tontonan.



Demonstrasi Portal u-Pustaka

Demonstrasi ini telah disampaikan oleh Encik Zahuddin Sidek, Pustakawan PNM. Demonstrasi ini mendapat sebanyak 7,582 tontonan.



Bicara Literasi Media dan Maklumat: Kepentingan literasi maklumat dalam institusi pendidikan dan organisasi.

Sesi ini disampaikan oleh Dr. Nor Edzan Che Nasir, Mantan Ketua Pustakawan Universiti Malaya. Bicara ini telah mendapat 3,865 tontonan.



Pameran Maya Literasi Media dan Maklumat

Pameran ini merupakan pameran interaktif yang memuatkan pelbagai maklumat mengenai Literasi Media dan Maklumat dan boleh dilayari melalui <http://pameranmaya.pnm.gov.my/>. Sebanyak 923 pengunjung maya telah mengunjungi pameran ini.



Segmen Kenali Sumber Rujukan

Segmen ini diadakan dengan memuat naik maklumat mengenai sumber rujukan di laman sosial rasmi PNM dan juga laman sesawang PNM. Segmen ini telah dikongsikan sebanyak 1,815 dan sebanyak 2,705 tontonan.

Segmen In4skill

Segmen ini diisi dengan aktiviti interaktif iaitu pantun Literasi Media dan Maklumat (LMM) dan bina kata di Facebook dan Instagram rasmi PNM. Sebanyak 302 penyertaan telah diterima.



KENALI SUMBER RUJUKAN

BIOGRAFI

- Biografi merupakan penerbitan mengenai riwayat atau kisah hidup orang perseorangan atau sekumpulan individu.
- Contoh: Biografi Lim Swee Tin

DIREKTORI

- Sumber rujukan yang menyenaraikan nama orang perseorangan atau organisasi secara sistematik.
- Direktori untuk orang perseorangan biasanya mengandungi maklumat seperti nama penuh dan alamat.
- Direktori organisasi mengandungi maklumat seperti nama organisasi, alamat penuh, nombor telefon, e-mel, nama-nama pegawai, sejarah penubuhan dan pencapaian yang diperolehi.
- Contoh: Direktori Penulis Malaysia-Edisi Tambahan



KENALI SUMBER RUJUKAN

INDEKS

- Panduan kepada kandungan sesebuah buku atau penerbitan bertujuan memudah dan mempercepatkan pencarian maklumat.
- Contoh : Indeks Buku Daftar

ABSTRAK

- Ringkasan/sinopsis sesebuah penerbitan
- Memudahkan pembaca menentukan sama ada penerbitan itu sesuai atau tidak dengan kehendak serta keperluan maklumat.
- Contoh : Abstrak Penyelidikan



KENALI SUMBER RUJUKAN

BUKU PANDUAN

- Sumber untuk melakukan/mempelajari sesuatu aktiviti
- Contoh : Buku Panduan Pelajar: Kolej Komuniti Kuantan

BUKU TAHUNAN

- Laporan tahunan sesuatu organisasi
- Contoh: Laporan Tahunan 2003 Perpustakaan Negara Malaysia

ALMANAK

- Koleksi pelbagai fakta dan maklumat perangkaan.
- Sumber tahunan untuk peristiwa, fakta dan statistik
- Contoh : Almanak Pendidikan



APA ITU KAMUS ?

Kamus merupakan koleksi perkataan dan maklumat tentang perkataan atau istilah seperti makna, asal-usul, sebutan, suku kata, tababahasa dan penggunaan dalam susunan berabjad. Terdapat juga ilustrasi di dalam kamus

- Untuk mencari makna atau definisi perkataan
- Untuk mengetahui asal-usul perkataan
- Untuk mengetahui bagaimana sesuatu perkataan disebut
- Untuk mengetahui jenis perkataan
- Untuk mengetahui cara menggunakan perkataan
- Untuk mengetahui ejaan yang betul

KAMUS KHUSUS
(Kamus Peribahasa, Kiasan)

- Memberi maklumat yang berperanti mengenai sesuatu perkataan dalam sesuatu bidang tertentu.
- Contoh: Kamus Peribatan

KAMUS UMUM

Kamus Umum biasanya mengandungi:

- Makna sesuatu perkataan
- Cara menggunakan perkataan
- Ejaan yang betul
- Contoh : Kamus Dewan

KAMUS DWIBAHASA

- Memberi makna sesuatu perkataan dalam satu bahasa ke bahasa yang lain
- Contoh: Kamus Bahasa Inggeris – Bahasa Melayu



Cabaran Minda Kreatif Siri Ke-2: Jejak Kata Koleksi Manuskrip Melayu

Cabaran Minda Kreatif ini diadakan pada 11-31 Julai 2020 dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia. Peserta hanya perlu memberikan jawapan yang betul beserta slogan kreatif di ruangan komen. Peserta yang memberi jawapan yang betul dan slogan paling kreatif dikira sebagai pemenang. Seramai 46 orang telah menyertai cabaran ini.

PERTANDINGAN ULASAN BUKU DALAM TALIAN
Harapan, di manakah kamu?
KATEGORI SEKOLAH KENDAH
2 JULAI - 15 OGOS 2020

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Pertandingan terbuka kepada pelajar-pelajar yang berumur 9-12 tahun sahaja
- Peserta perlu membuat ulasan buku dalam bahasa Melayu sahaja berdasarkan buku "Harapan, di manakah kamu?" terbitan Perpustakaan Negara Malaysia melalui platform yang disediakan, iaitu laman di Facebook dan Instagram
- Hanya satu penyertaan sahaja bagi setiap peserta dibenarkan
- Ulasan buku boleh dibuat berdasarkan kreatifiti peserta - penggunaan foto minda, infografi, carta dan lain-lain adalah dibenarkan untuk menyongsong ulasan yang dibuat
- Tanggal ulasan buku dalam bentuk video tidak melebihi 30 minit
- Muat naik ke FB atau Instagram peserta ulasan video buku tersebut dan pastikan hantaran (post) adalah dalam ketetapan umum (public)
- Peserta perlu mengisi butiran maklumat diri dan postan video yang telah dimuat naik dalam media sosial pada gambar form yang disediakan dan muat naik ke laman yang ditetapkan
- Salah satu yang dimuat naik perlu memuatnaik tandatangan

HarapanDimanakahKamu.com

Untuk Maklumat Lanjut Sila Hubungi:
Akhika 03-2687 4336 & Ikhla 03-2687 4388

KEPUTUSAN PEMENANG
PERTANDINGAN ULASAN BUKU DALAM TALIAN
Harapan, di manakah kamu?
2 JULAI - 15 OGOS 2020

TEMPAT PERTAMA
Nur Durrani Jauhari binti Elias
100115-02-XXXX

TEMPAT KEDUA
Senia Anne Menon
090825-10-XXXX

TEMPAT KETIGA
Kok Yik Syuan
100928-10-XXXX

Perpustakaan Negara Malaysia mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pemenang pertandingan ini.



Pertandingan Ulasan Buku Dalam Talian: Harapan Dimanakah Kamu?

Pertandingan ulasan buku ini telah diadakan pada 2 Julai 2020 hingga 12 Ogos 2020 dan terbuka kepada kanak-kanak berumur 9-12 tahun sahaja. Seramai 74 orang peserta telah menyertai pertandingan ini. Pertandingan ini diadakan melalui media sosial iaitu setiap peserta perlu memuat naik hantaran video ulasan buku ke laman Facebook atau Instagram.

CABARAN MINDA KREATIF

Tahniah!

PEMENANG CABARAN MINDA KREATIF SIRI 2: JEJAK KATA KOLEKSI MANUSKRIP MELAYU

- KHAULAH NAJWA AL-AZWAR
- ALYSSA EZZURA
- WAN JASMIN

Sila hubungi urus setia di talian:
03-2687 4396 (En. Azrul Adnan)

JEJAK KATA
Jejak Kata Koleksi Manuskrip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

1. Permainan adalah persembahan kepada semua warganegara Malaysia.
2. Cari sebanyak banyak perkataan, sinonim dan terbitan dalam 4 ruangan komen.
3. Hanya slogan kreatif yang menang. Sila pilih perkataan.
Pemenang Minda Kreatif Siri 2 Jejak Kata

L S V G E K Y M A D A F P O D E N S S S
S M U B J B R A K L H W L L Y E F A V T
K B A P I N W M G D S R X D M Z U P A T
F W F Y V J D M L M M X B N H D L T R G
P C E M O S W C M J F U F J P G A Q U Y
C E U V T T H C A M S G K O S K A A N X
Q P T S E M F O Z H U X R H I S P S L T
K V I U Y A B M A L Z G H H F D N W W H
U Y O V A O A S N D M P F L X W G A D D
Q T B U G N H Z F O C F R W P F X L N T
O Z A S D I F J Y L C L X J K U A S H
K C Y Z K R A O P S S A A A A A A V M Z I
G F B R L U M F M H S Q C Z U M C A V U
G X O C C G V G E U P T S K I O S R W K
E A H W R I A Y S D T I N Y L M R T N S
Y V F T S F U H E F R N A G A M A S T U
S C O Q T H H X E W Z F A P K N Q T S O
I F C I L Z G B G O X G Q P J M P S N F
M V G U A R X S E P H L O Y G U S I N
N I F P D Y G M H I K Y K O X O M S D I

Cabaran Minda Kreatif Siri 2 Jejak Kata

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Bahagian Pembangunan Modal Insan



Prestasi dan Pencapaian

Bahagian ini telah melaksana dan mengendalikan program latihan sebanyak 77 kursus / bengkel serta 3 peperiksaan dalam tahun 2020.

BIL.	JENIS	JUMLAH
1.	Pelan Operasi Latihan PNM	34
2.	Latihan/ Kursus / Seminar Dalam Jabatan Secara Bersemuka (kerjasama dengan Kementerian / Jabatan/ Institusi Kerajaan / Swasta/)	6
3.	Latihan / Kursus / Seminar Luar Jabatan Secara Bersemuka (NBOS: kerjasama dengan Kementerian / Jabatan / Institusi Kerajaan / Swasta)	20
4.	Sistem EPSA® (https://www.epsa.gov.my)	2
5.	Latihan / Kursus / Seminar Dalam Talian	12
6.	Penempatan & Latihan Praktik	2
7.	Latihan Perpustakaan Desa	1
8.	Peperiksaan	3
JUMLAH		80

BPMI telah mengambil inisiatif dengan menjalankan kursus secara dalam talian bagi memastikan seluruh kakitangan masih terus diberi latihan dan kursus untuk pembangunan kerjaya. Namun kursus / latihan ke luar negara tidak dapat dijalankan kerana pembatalan program dari pihak penganjur ke luar negara atas situasi penularan wabak COVID-19.



Taklimat Wabak COVID-19

Pada 13 Oktober 2020, BPMI telah menganjurkan Taklimat Wabak COVID-19 sebagai usaha untuk memberi penerangan terkini dan pengetahuan kepada warga PNM mengenai Wabak COVID-19 yang melanda negara. Taklimat telah dijalankan secara bersemuka dengan mematuhi SOP dan juga secara atas talian. Taklimat telah disampaikan oleh Puan Norellyna binti Mohd Nawawi, Pegawai Penerangan, Pusat Kesihatan Daerah Titiwangsa.



Taklimat sedang disampaikan oleh Puan Norellyna binti Mohd Nawawi, Pegawai Penerangan, Pusat Kesihatan Daerah Titiwangsa.

**Gambar ini diambil semasa pelaksanaan PKPP.*



Peperiksaan

Sebanyak 4 peperiksaan iaitu pada 22, 23, 29 September 2020 dan 6 Oktober 2020 telah dilaksanakan. Terdapat seramai 12 orang calon yang tidak menduduki peperiksaan kerana berada dalam Kawasan PKPD serta pelaksanaan kuarantin iaitu dari negeri Sabah, Sarawak dan Kedah. Berikut adalah ringkasan senarai peperiksaan yang telah dilaksanakan iaitu:

Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) bagi Pembantu Pustakawan Gred S19

- (i) Kertas III – Asas Ilmu Perpustakaan pada 22 September 2020 seramai 52 orang.
- (ii) Kertas IV - Teknik Asas Penyelenggaraan Perpustakaan pada 22 September 2020 seramai 48 orang.
- (iii) Kertas V - Perundangan yang berkaitan dengan perpustakaan pada 23 September 2020 seramai 47 orang.

Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) bagi Penolong Pustakawan Gred S29

- (i) Bahagian III - Akta dan Peraturan Berkaitan dengan Perpustakaan pada 29 September 2020 seramai 18 orang.

Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke Penolong Pustakawan Gred S29

- (i) Bahagian I – Pentadbiran Perpustakaan pada 6 Oktober 2020 seramai 18 orang.

Bengkel Bimbingan turut diadakan bagi memberikan panduan kepada calon peperiksaan seperti berikut:

- (i) Bengkel Panduan Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) bagi Pembantu Pustakawan Gred S19 Tahun 2020 pada 21 September 2020 seramai 52 orang.
- (ii) Bengkel Panduan Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) bagi Penolong Pustakawan Gred S29 Tahun 2020 pada 28 September 2020 seramai 18 orang.
- (iii) Bengkel Panduan Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke Penolong Pustakawan Gred S29 Tahun 2020 pada 5 Oktober 2020 seramai 18 orang.

Pembangunan Perpustakaan



Gambar diambil semasa pelaksanaan PKPP.

Prasarana Ilmu Dan Maklumat

Bahagian Pembangunan Dan Perpustakaan Desa



Projek Pembangunan

PNM telah diluluskan satu (1) projek baharu bawah RMKe-11 yang masih dalam pelaksanaan dan satu (1) Projek Sumbangan RMKe-10 telah siap sepenuhnya. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:


Projek Pembangunan Perpustakaan Bawah RMKe-11



Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan

Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan telah mula dilaksanakan pada 29 Ogos 2019 dan dijangka siap pada 31 Disember 2021. Projek ini merupakan projek naik taraf ruang perkhidmatan perpustakaan di Bangunan Anjung Bestari dengan menitik beratkan rekaan dalaman terkini sekaligus memberikan suasana yang lebih kondusif dan selesa kepada pengguna perpustakaan.

Projek ini masih dalam kerja-kerja pengubahsuaian dan status terkini projek adalah seperti berikut:



Peruntukan



Peruntukan Bantuan Kewangan Kerajaan Persekutuan Kepada Perpustakaan Awam Negeri (PAN) 2020

Pada tahun 2020, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM71.2 juta untuk disalurkan kepada Perpustakaan Awam Negeri (PAN). Sebanyak RM3.2 juta diperuntukkan bagi langganan Pangkalan Data Secara Berpusat Konsortium PNM dan PAN. Tujuan langganan Pangkalan Data ini adalah bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk memastikan ketersediaan bahan bacaan 24/7 kepada masyarakat dalam bentuk digital bagi memupuk minat membaca sekaligus merealisasikan pembelajaran sepanjang hayat dan membentuk masyarakat ke arah Revolusi Industri 4.0.



Peruntukan Belanja Mengurus Perpustakaan Desa Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2020

PNM juga telah menerima Peruntukan Belanja Mengurus Perpustakaan Desa Pembiayaan Kerajaan Persekutuan bagi meneruskan perkhidmatan Perpustakaan Desa di seluruh negara sebanyak RM42.35 juta. Peruntukan ini digunakan untuk menguruskan 507 Perpustakaan Desa dengan 1,153 petugas yang terdiri dari pelbagai gred jawatan (Penolong Pustakawan, Pembantu Pustakawan & Pembantu Operasi).



Latihan Petugas Perpustakaan Desa

Kursus Penyelia Perpustakaan Desa (PD) PNM telah diadakan pada 27 hingga 30 September 2020 bertempat di The Grand Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kursus ini menyasarkan Penolong Pustakawan, Gred S29 yang merupakan Penyelia PD PNM bertujuan untuk meningkat dan memantapkan pengetahuan Penyelia PD PNM agar sentiasa memperbaharui ilmu-ilmu bidang pengurusan dan kepustakawanan.

Seramai 74 orang penyelia yang hadir secara fizikal yang terdiri daripada Penyelia PD PNM Negeri Johor, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu. Mengambil kesempatan kursus ini juga satu sesi Perjumpaan Penyelia PD PNM Bersama Ketua Pengarah PNM turut diadakan pada 30 September 2020 dengan penglibatan Penyelia PD PNM secara maya iaitu seramai 53 orang yang terdiri daripada negeri Kedah, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.



Kursus Pengurusan Efektif Penyelia Perpustakaan Desa PNM

**Gambar ini diambil semasa pelaksanaan PKPP.*



Lawatan Kerja Ketua Pengarah PNM

Ketua Pengarah PNM telah mengadakan Lawatan Kerja ke Teluk Intan, Perak pada 2 Oktober 2020. Bagi meninjau secara dekat kesesuaian tapak untuk membangunkan sebuah Institut Kepustakawanan. Lawatan ini juga turut dihadiri oleh pegawai-pegawai PNM iaitu, Puan Hashimah Mohd Yusoff, Timbalan Pengarah Kanan BPPD dan Timbalan Pengarah BKNP, Puan Haslinda Kasim. Lawatan ini juga telah mendapat kerjasama daripada Encik Mohd. Hizaz bin Mohd Ibrahim, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah) Pejabat Daerah Teluk Intan, Perak dan Muhammad Amin bin Safie, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) Pejabat Daerah Bagan Datuk, Perak.



Puan Maizan Ismail, Ketua Pengarah PNM di tapak lawatan.

**Gambar ini diambil semasa pelaksanaan PKPP.*



Mesyuarat Maya

Pada tahun 2020, pemantauan secara fizikal ke Perpustakaan Desa kurang dilaksanakan di atas faktor pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan. Walau bagaimanapun, melalui Pegawai Wilayah telah melaksanakan pemantauan secara Mesyuarat Maya Bersama Penyelia PD PNM setiap negeri. Butiran maklumat mesyuarat adalah seperti berikut:

MAKLUMAT MESYUARAT PEGAWAI WILAYAH BERSAMA PENYELIA PD

	TARIKH MESYUARAT		JUMLAH
	BERSEMUKA	MAYA	
MELAKA	14/01/2020 29/09/2020	06/04/2020 23/07/2020 28/10/2020	5
NEGERI SEMBILAN	16/01/2020 29/09/2020	06/04/2020 23/07/2020 30/10/2020	5
PULAU PINANG	29/09/2020	28/07/2020 04/11/2020	3
PERLIS	19/02/2020 29/09/2020	07/04/2020 29/07/2020 05/11/2020	5
JOHOR	29/09/2020	07/04/2020 29/07/2020 27/10/2020	4
PAHANG	29/09/2020	06/04/2020 28/07/2020 23/10/2020	4
PERAK	13/03/2020 29/09/2020	06/04/2020 28/07/2020 23/10/2020	5
SELANGOR	31/01/2020 29/09/2020	28/07/2020 23/10/2020	5
KELANTAN	31/01/2020 29/09/2020	28/07/2020 23/10/2020	5
SABAH	-	07/04/2020 24/07/2020 27/10/2020	3
SARAWAK	-	08/04/2020 24/07/2020 27/10/2020	3
W.P LABUAN	-	24/07/2020 27/10/2020	2
JUMLAH KESELURUHAN			56

Bahagian Khidmat Nasihat Dan Perundingan



Khidmat Nasihat

Pada tahun 2020, sebanyak 30 buah perpustakaan telah menerima khidmat nasihat dari PNM. Khidmat nasihat ini diberikan mengikut jadual yang dirancang atau berdasarkan permintaan daripada agensi kerajaan dan bukan kerajaan.



Khidmat Perundingan

Khidmat perundingan juga diberikan kepada pihak luar seperti perpustakaan badan berkanun, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu berdasarkan permohonan yang diterima oleh PNM. Khidmat perundingan ini bertujuan untuk merancang sama ada pembinaan infrastruktur, pengisian koleksi, struktur penjawatan atau jenis perkhidmatan Perpustakaan yang diperlukan. Sebanyak empat (4) buah perpustakaan telah menerima khidmat perundingan pada tahun 2020.



Perpustakaan Khusus Gunasama

Pada tahun 2020, sebanyak 557 buah Perpustakaan Khusus Gunasama yang terdapat di Kementerian/Jabatan/ Institusi/agensi di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan PNM. Koleksi di Perpustakaan Khusus Gunasama adalah bersifat spesifik dan diketuai oleh pegawai kader pelbagai gred Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan. Jumlah perpustakaan di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan adalah seperti berikut:

KLUSTER	PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNASAMA
Kementerian/ Jabatan Persekutuan	109
Akademik (Politeknik / IPG / Kolej Matrikulasi / Kolej Komuniti)	159
Institut Latihan / Penyelidikan	99
Mahkamah / Perundangan	43
Perubatan / Kesihatan (Hospital / Institut Latihan / Institusi Kesihatan)	87
Institusi Keselamatan	60
JUMLAH	557



Statistik Perjawatan Perpustakaan Khusus Gunasama

Sehingga tahun 2020, sebanyak 1,345 perjawatan pelbagai gred bagi Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di 557 buah Perpustakaan Khusus Gunasama di seluruh Malaysia.



Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Khusus Gunasama

Pada 8 September 2020, PNM telah mengadakan satu Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Khusus Gunasama untuk memastikan pembangunan, perkhidmatan dan profesion kepustakawanan dapat dipertingkatkan di seluruh negara. Mesyuarat diadakan dalam dua (2) kaedah iaitu secara bersemuka dan dalam talian. Seramai 102 orang telah menghadiri mesyuarat ini.



Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Khusus Gunasama Kumpulan Pengurusan dan Profesional 2020 pada 8 September 2020.

**Gambar ini diambil semasa pelaksanaan PKPP.*



Taklimat Pemurnian Garis Panduan Perpustakaan Khusus (GPPK) Edisi Ketiga

Taklimat pemurnian telah dilaksanakan bersama ketua kumpulan yang telah dilantik pada 27 November 2020. Taklimat ini telah disampaikan oleh Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat (PIM) iaitu Encik Edy Irwan bin Zulkafli dan Puan Haslinda binti Kasim, Timbalan Pengarah Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP). Matlamat GPPK Edisi ketiga adalah memberi penumpuan khusus kepada meningkatkan kecekapan kakitangan serta keberkesanan perkhidmatan yang diberikan oleh perpustakaan khusus seiring dengan agenda transformasi perpustakaan digital.



Taklimat Pemurnian GPPK Edisi Ketiga secara Google Meets

**Gambar ini diambil semasa pelaksanaan PKPB.*

Bahagian Penyelidikan



Prestasi dan Pencapaian

Bagi tahun 2020, Bahagian Penyelidikan telah menjalankan satu kajian untuk mengenal pasti tahap kesedaran masyarakat terhadap Program Galakan Membaca iaitu Kajian Impak Program Galakan Membaca.

Kajian kuantitatif ini telah memperolehi sejumlah 2,053 responden. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa sebanyak 71.6% menyatakan mereka berminat membaca dan menyertai program galakan membaca. Manakala 71.7% menyatakan dengan menyertai program galakan membaca mereka dapat menjadikan membaca sebagai satu amalan. 71.8% pula menyatakan tabiat membaca adalah sebagai hiburan dan untuk mengisi masa lapang mereka.


Bahagian Penyelidikan telah dapat menerbitkan sebanyak sembilan (9) Laporan Perangkaan Perpustakaan mengikut kategori berikut:

9


Laporan Perangkaan Perpustakaan

1**Laporan Perangkaan Perpustakaan Negara Malaysia 2019****2****Laporan Perangkaan Desa, Perpustakaan Negara Malaysia 2019****3****Laporan Perangkaan Perpustakaan Awam Negeri 2019****4****Laporan Perangkaan Desa, Perpustakaan Awam Negeri 2019****5****Laporan Perangkaan Perpustakaan Khusus Gunasama 2019****6****Laporan Perangkaan Perpustakaan Akademik 2019****7****Laporan Perangkaan Perpustakaan Badan Berkanun, Agensi Swasta dan Sekolah Swasta 2019****8****Laporan Perangkaan Perpustakaan di Malaysia 2019****9****Ringkasan Perpustakaan di Malaysia 2019**

RUMUSAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN PNM 2020 BERBANDING 2019



RINGKASAN PENCAPAIAN TAHUN 2020 BERBANDING SASARAN



PEMBANGUNAN KOLEKSI

Pusat Bibliografi Negara




Prestasi dan Pencapaian

Pusat Bibliografi Negara berperanan utama dalam menyimpan, mendokumentasi dan memperluaskan penggunaan koleksi terbitan dalam negara serta koleksi mengenai negara yang diterbitkan di luar negara. Koleksi Malaysiana adalah koleksi warisan negara dan bangsa Malaysia. Disamping itu aktiviti promosi kepada penerbit-penerbit di Malaysia tentang penggunaan nombor piawaian antarabangsa seperti ISBN dan ISSN. Penggunaan nombor ISBN dan ISSN bukan sahaja dapat menghasilkan penerbitan bahan bacaan yang mengikut standard antarabangsa bahkan ia merupakan butiran penting dalam membina deskripsi rekod bibliografik. (PdP) pula diperlukan untuk membantu mewujudkan keseragaman standard pengkatalogan yang digunakan oleh perpustakaan di Malaysia.



Aktiviti Pendokumentasian

Pendokumentasian bahan merangkumi bahan terbitan yang diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331).





Aktiviti Perkhidmatan Kepada Penerbit (PKP)

Aktiviti ini telah merekodkan permohonan Pengkatalogan-dalam-Penerbitan (PDP) sejumlah 5,472 judul data (judul baru terbitan Malaysia) yang merangkumi 39 penerbit baru (6 kerajaan, 22 bukan kerajaan dan 11 individu). *International Standard Book Number (ISBN)* 20,064 nombor ISBN telah dikeluarkan yang merangkumi 955 penerbit baru (104 kerajaan, 436 bukan kerajaan dan 416 individu). Manakala *International Standard Serial Number (ISSN)* sebanyak 782 nombor ISSN telah dikeluarkan.



Aktiviti Mesyuarat / Bengkel / Kursus Tahun 2020



Mesyuarat Katalog Induk Kebangsaan (KIK) Bil. 1/2020

Mesyuarat KIK ini telah diadakan pada 11 Ogos 2020 bertempat di Dewan Putra 1, Aras 4, Hotel Putra, Kuala Lumpur. Mesyuarat Pasukan Katalog Induk Kebangsaan (KIK) bagi Projek Pembangunan u-Pustaka sebagai Hub Maklumat Negara Projek ICT RMK-11 (RP2) menyaksikan kehadiran 119 ahli mesyuarat yang terdiri daripada wakil kepada 65 buah perpustakaan.



*Gambar ini diambil semasa pelaksanaan PKPP.

Bengkel *Resource Description & Access (RDA)*

Bengkel ini bertujuan untuk memastikan pembinaan rekod pengkatalogan yang dihasilkan mengikut standard antarabangsa. Sebanyak 6 sesi kursus dan bengkel yang telah dapat dilaksanakan sepanjang tahun 2020.

Bil.	Nama Bengkel	Tempat	Tarikh
1.	Kursus Induksi Asas Pembantu Pustakawan Gred S19	Bilik Syarahan, Aras 5, PNM	18-19 Februari 2020
2.	Bengkel RDA Siri I	Makmal Komputer, Aras 5, PNM	17 Mac 2020
3.	Bengkel <i>Resource Description & Access (RDA)</i> Bahan Terbitan Bersiri	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	15 September 2020
4.	Kursus Asas Pendokumentasian Bahan Media	Radio Televisyen Malaysia (RTM)	6-8 Oktober 2020
5.	Bengkel DDC	Makmal Komputer, Aras 5, PNM	13 Oktober 2020
6.	Kursus Pendokumentasian Bahan Pusat Sumber Kolej Vokasional (Peringkat Zon Kelantan-Terengganu)	Kolej Vokasional Bachok, Kelantan	21-23 Disember 2020

Aktiviti Promosi *International Standard Book Number (ISBN) /International Standard Serial Number (ISSN)*/Pengkatalogan dalam Penerbitan (PdP)

Bil.	Taklimat	Tarikh
1.	Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM, Melaka	22 Januari 2020
2.	<i>Urban Youth Collaborative Program</i>	1 Februari 2020
3.	Jabatan Perangkaan	5 Mac 2020
4.	Jabatan Kerja Raya	17 Julai 2020 & Oktober 2020
5.	Institut Sosial Malaysia	12 Ogos 2020
6.	Hospital Melaka	24 September 2020
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs)	13 Oktober 2020

Pusat Penyerahan Terbitan Negara



Prestasi dan Pencapaian

Pusat Penyerahan Terbitan Negara (PPTN) melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) bertanggungjawab memastikan penerbit menyerahkan lima (5) naskah bahan bercetak dan dua (2) unit bahan bukan bercetak yang diterbitkan di Malaysia kepada PNM. Koleksi ini akan disimpan, dipelihara seterusnya dijadikan sebagai koleksi negara yang bersifat sebagai warisan intelek negara.

Penghantaran bahan Koleksi Negara ke Pusat Penyimpanan Luar Koleksi Negara Zon Sabah (PPLKN-S) di Perpustakaan Negeri Sabah adalah sebanyak 22,927 naskah.



Pengesanan dan Promosi Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)

PPTN telah melaksanakan perubahan dari aktiviti pengesanan, taklimat dan promosi Akta 331 kepada penerbit seluruh Malaysia. Taklimat bersemuka hanya dijalankan berdasarkan permohonan serta mengikut SOP yang ditetapkan. Aktiviti promosi Akta 331 juga telah dipergiatkan secara maya, poster promosi melalui media sosial PNM dan siaran radio.

Aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Taklimat: (i) Taklimat bersemuka (ii) Taklimat secara maya	11 kali 1 kali
2.	Promosi secara maya: (i) IG PNM (ii) Facebook PNM (iii) Siaran radio: KL FM (iv) Sistem Pesanan Ringkas (SMS)	1 poster (767 tontonan) 1 poster (144 tontonan) 1 siaran (3,041 pendengar) 310 penerbit



Taklimat Akta 331 di Kolej Universiti Agro, Melaka pada 22 Januari 2020

*Gambar diambil sebelum pelaksanaan PKP.



Majlis Pelancaran Buku Siri Perangsang Minda

Majlis Pelancaran Buku Siri Perangsang Minda terbitan Sebaran Bahagia Sdn Bhd, telah diadakan pada 26 Februari 2020 bertempat di Bilik Syarahan Aras 5, Anjung Bestari, PNM. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Maizan binti Ismail, Ketua Pengarah PNM sebagai satu usahasama PNM dengan pemain industri buku yang terdiri daripada penulis, penerbit, pembaca dan persatuan buku.

Buku Siri ini mengandungi empat judul iaitu Kisah *Intelligent Quiz*, Kisah Orang-Orang Berjaya, My BFF: *Stay In Positive Circle dan Thinking Outside the Box* hasil karangan Dr. Farhan Hadi Mohd Taib dan Puan Fatimah Syarha Mohd Noordin.

Seramai 163 orang telah menghadiri majlis ini yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan menengah dari Kuala Lumpur dan Selangor, kakitangan perpustakaan gunasama Lembah Klang, wakil agensi/jabatan dan kakitangan PNM.



Anugerah Buku PNM 2020

Majlis Penyampaian Anugerah Buku PNM 2020 telah diadakan pada 13 November 2020, di Aras 10, Menara PNM. Majlis penyampaian telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Maizan binti Ismail, Ketua Pengarah PNM. Sebagai pematuhan kepada SOP penganjuran majlis, hanya sembilan (9) orang pemenang telah hadir dari sekitar Lembah Klang pada majlis tersebut.

Pemenang Anugerah Buku PNM 2020

01	Khayalan atau Realiti : Pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia Penulis: Mohamed Azam Mohamed Adil Penerbit: <i>Ilham Books & IAIS Malaysia</i>	Dewasa Bahasa Melayu
02	Over Penang Penulis: David St Loh Penerbit: <i>Elaton Publishing</i> Pantun: <i>The Poetry of passion</i> Penulis: Muhammad Haji Salleh Penerbit: <i>UM Press</i>	Dewasa Bahasa Inggeris
03	Yi gi lv Xing (<i>On a journey with you</i>) Penulis: Ling Doh Kin & Ling Sin Yuen Penerbit: Ling Doh Kin	Dewasa Bahasa Cina
04	Di Mana? Di Mana? Penulis: Yeop Mie Penerbit: <i>Al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd</i> Umi Maafkan Adik: Kumpulan Cerpen Kanak-kanak Penulis: Wadiassofi Jaafar Penerbit: <i>UUM Press</i>	Kanak-kanak Bahasa Melayu
05	Ha Yuan Ta Ta Wang Guo (<i>The Kingdom of Highemtarta</i>) Penulis: Cynthia Jing Yue Penerbit: <i>Chee Sze Poh (M) Sdn Bhd</i>	Kanak-kanak Bahasa Cina
06	Sebelum Matahari Tidur Penulis: Rosnazuha Mokhtar Penerbit: <i>Random Roses Publishing</i>	Pilihan Pembaca (Bahasa Melayu)
07	<i>Letters to God</i> Penulis: Norhafsah Hamid Penerbit: <i>Iman Publication</i>	Pilihan Pembaca (Bahasa Inggeris)
08	Ting Shuo Bao Bu You Na Ge = <i>They Say the Waterfall Is Haunted!</i> Penulis: Lee Wei Hung Penerbit: <i>Kadokawa Gempak Starz Sdn Bhd</i>	Pilihan Pembaca (Bahasa Cina)
09	Malainaatin thavaseelar Swami Sathyanandha Penulis: Paramasivam Maruthai Penerbit: <i>Baratha Kshetra Art Centre</i>	Pilihan Pembaca (Bahasa Tamil)

Bahagian Pembinaan Koleksi



Perolehan Bahan Bacaan

Dalam memantapkan koleksi maklumat negara yang komprehensif, Bahagian Pembinaan Koleksi (BPK) terus mempergiat pengukuhan koleksi perpustakaan melalui program perolehan sumber perpustakaan di bawah pembelian serta hadiah dan pertukaran. Sehingga Disember 2020, jumlah kumulatif koleksi PNM yang diperoleh melalui pembelian adalah 27,427 naskhah manakala perolehan hadiah dan pertukaran sebanyak 35,320 naskhah.

Di samping perolehan bahan bacaan untuk PNM, perolehan juga dilaksanakan untuk Perpustakaan Desa di seluruh Malaysia. Pada tahun 2020, sebanyak 100,235 naskhah bahan bacaan yang meliputi pelbagai disiplin ilmu telah diperoleh. Sebanyak 354 naskhah untuk enam (6) Kedutaan Malaysia di London, Washington, Jakarta, Wellington, Tokyo dan New Delhi serta 62 naskhah bagi Pusat Sumber Malaysia di Ohio telah diperolehi.




Perolehan Koleksi PNM

Perolehan bahan fizikal PNM merangkumi koleksi monograf, terbitan bersiri, sumber media, *e-book*, koleksi peribadi dan nadir serta manuskrip Melayu.



Koleksi Monograf

Sepanjang tahun 2020, pelbagai disiplin ilmu telah diperoleh melalui proses pembelian serta sumbangan/hadiah dari dalam dan luar negara.



Terbitan Bersiri

Sebanyak 13,369 naskhah terbitan bersiri telah diperoleh melalui pembelian sepanjang tahun 2020 yang meliputi majalah dan jurnal terbitan dalam negara sebanyak 37 judul/ 704 naskhah dan terbitan luar negara sebanyak 27 judul / 292 naskhah manakala surat khabar sebanyak 14 judul/ 12,373 naskhah.



Sumber Media dan Elektronik

Sumber elektronik merujuk kepada bahan-bahan dalam format elektronik atau digital yang memerlukan akses kepada komputer, sama ada melalui komputer peribadi atau peranti mudah alih. Ia boleh diakses melalui internet atau dalam premis. Sebanyak 258 judul / 259 unit telah diperolehi pada tahun 2020.

Buku Elektronik (E-Book)

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 39,343 judul buku elektronik (*e-book*) telah diperoleh melalui langganan pangkalan data e-buku.

Koleksi Khas (Koleksi Peribadi & Nadir)

Koleksi Peribadi dan Nadir dikategorikan sebagai Koleksi Khas. Pada tahun 2020, PNM telah memperoleh sebanyak 2,056 item bahan koleksi peribadi iaitu koleksi Sasterawan Negara (SN) Profesor Emeritus Dr. Mohamad bin Haji Saleh, Allahyarham Profesor Madya Dr. Talib bin Samat serta Dato' Wan Ahmad bin Arshad bagi Koleksi Nadir.

Langganan Pangkalan Data

Pada tahun 2020, sebanyak 19 pangkalan data telah dilanggan untuk PNM dan Perpustakaan Awam Negeri (PAN) iaitu:



Perolehan Bahan Bacaan Perpustakaan Desa

Perolehan bahan bacaan untuk koleksi Perpustakaan Desa di seluruh Malaysia dilaksanakan melalui tender dan Dana Pembelian Terus Buku-buku Karya Penulis Tempatan. Pada tahun 2020, sebanyak 224 judul/ 100,235 naskhah bahan bacaan baharu yang meliputi pelbagai disiplin ilmu telah diperoleh untuk 507 Perpustakaan Desa di seluruh negara.

Bahagian Pemuliharaan

Bahagian Pemuliharaan (BP) dipertanggungjawabkan bagi memastikan koleksi sumber perpustakaan PNM sentiasa kekal terpelihara dan terpelihara. Di samping memantau secara langsung dalam memastikan ruang simpanan bahan berada dalam keadaan baik dan terkawal, BP turut berperanan memberi khidmat nasihat kepada organisasi lain yang memerlukan.



Prestasi dan pencapaian

BP telah melaksanakan 10 lawatan pemantauan dan setiap sesi lawatan melibatkan 6 ruang simpanan bahan bercetak dan 5 ruang simpanan tidak bercetak. Lawatan pemantauan bagi bahan bercetak dilaksanakan setiap 3 bulan sekali manakala lawatan pemantauan bagi bahan bukan bercetak dilaksanakan setiap 2 bulan sekali. Sebarang ketidakpatuhan yang dicatatkan akan diambil tindakan segera bagi memastikan bahan yang tersimpan terpelihara dan dipulihara.



Lawatan





Aktiviti Promosi Perkhidmatan Pemuliharaan

BP juga terlibat dalam usaha mempromosi perkhidmatan pemuliharaan kepada pengguna Perpustakaan. Keterlibatan dalam program-program induk PNM, bengkel dan kursus amat penting bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan. Berikut adalah aktiviti promosi yang telah dijalankan:





Lawatan Sekolah Islam Integrasi Ummi ke PNM pada 12 Februari 2020



Program 'Library Attack' Sek. Ren. Jln. Bellamy pada 24 Februari 2020

**Gambar diambil sebelum pelaksanaan PKPP.*



Lawatan dari Universiti Teknologi MARA pada 11 Ogos 2020

**Gambar diambil semasa pelaksanaan PKPP.*

Perkhidmatan Perpustakaan

Perkhidmatan Perpustakaan
Digital PERCUMA

*Gambar diambil sebelum pelaksanaan PKP.



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT

Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara




Prestasi dan Pencapaian

Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN) merupakan perkhidmatan utama di PNM yang menyediakan kemudahan rujukan bahan terbitan tempatan dan luar negara. Pelbagai jenis sumber perpustakaan yang disediakan bagi tujuan rujukan seperti monograf, terbitan bersiri, mikrofilem, surat khabar dan pangkalan data. Di samping itu, PNM turut menyediakan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan melalui Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP).

Pada tahun 2020, sebanyak 43,343 koleksi Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara telah dirujuk oleh pembaca. Sejumlah 12,702 pertanyaan rujukan diterima dan dijawab serta 522 bahan dikongsi melalui permohonan SPP. Berbanding dengan tahun 2019, terdapat penurunan dari segi pencapaian statistik yang dicatatkan bagi tahun 2020 berikutan kesan daripada pandemik COVID-19.

Pencapaian Perkhidmatan Rujukan Malaysiana dan Luar Negara 2020





Aktiviti / Program

Pelbagai program dan aktiviti bagi menyokong peranan PNM sebagai gedung ilmu turut diadakan sebagai organisasi intelektual yang terulung dalam penyebaran ilmu. Berikut adalah program / aktiviti yang telah dilaksanakan:



Pengisian Program dan Jumlah Penyertaan


Bil.	Tarikh	Perkara	Penyertaan	
			Peserta	Tontonan
1.	1 - 30 Januari 2020	Pameran Monograf Bertema Siri 1/2020: Tahun Melawat Malaysia 2020	3978	-
2.	15 - 30 April 2020	Cabaran Deklamasi Puisi Maya	-	128
3.	15 - 30 April 2020	Pertandingan Mencipta Puisi Covid 19 dan Pengalaman PKP	-	723
4.	1 - 29 Februari 2020	Pameran Monograf Bertema Siri 2/2020: Warisan Tidak Ketara: Silat Melayu	3216	-
5.	1 - 17 Mac 2020 (Ditamatkan kerana PKP)	Pameran Monograf Bertema Siri 3/2020: Vaksin	1105	-
6.	16 April - 30 Jun 2020	Pertandingan Dekorasi Perpustakaan Keluarga Ceria	-	14
7.	16 - 30 Jun 2020	Pameran Monograf Bertema Siri 6/2020: PNM: Bangunan Warisan Kebangsaan	725	-
8.	1 - 31 Ogos 2020	Pameran Monograf Bertema Siri 7/2020: Makan@Gaya Hidup Sihat	2147	-
9.	1 - 30 September 2020	Pameran Bertema Siri 9/2020: Jenayah Siber	2112	-
10.	15 September 2018	Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2020: Malaysia Prihatin	106	-
11.	22 September 2020	Bicara Intelektual : Masalah Tidur, Rawatan Berdengkur Adakah ia satu penyakit 22 Sept 2020	105	-
12.	1 - 3 Oktober 2020	Pameran Monograf Bertema Siri 10/2020: Kemurungan	772	-
13.	3 Oktober 2020	Bengkel Mari Belajar Bahasa Melayu Untuk Warganegara Asing Siri 1	19	-
14.	10 Oktober 2020	Bengkel Mari Belajar Bahasa Melayu Untuk Warganegara Asing Siri II	12	-
15.	14 Oktober 2020	Bicara Siti Kecil Bersama SN Prof. Dr. Siti Zainon Ismail	-	-
16.	17 November 2020	Teka Silang Kata Kenali Malaysiana Siri 1/2020	-	-
17.	22 Disember 2020	Teka Silang Kata Kenali Malaysiana Siri 2/2020	-	-
18.	1 - 31 Disember 2020	Pameran Monograf Bertema Siri 11/2020: Mistik Alam Melayu	511	-
JUMLAH			14,808	856

Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu



Perkhidmatan Rujukan Dan Penyelidikan

Pada tahun 2020, seramai 162 orang penyelidik telah hadir ke PKMM untuk merujuk manuskrip Melayu. Sebanyak 487 naskhah manuskrip asal dan 36 gegelung mikrofilem telah dirujuk dan sebanyak 383 bahan sekunder meliputi buku rujukan, katalog manuskrip dan tesis juga telah dirujuk. Manakala pertanyakan rujukan ringkas yang telah diterima adalah sebanyak 267 dan 388 rujukan penyelidikan telah diberi maklum balas.



Koleksi Bahan Dirujuk di PKMM Jan-Dis 2020



Program/Aktiviti

Pelbagai program / aktiviti sama ada wacana / seminar / persidangan, penerbitan buku ilmiah, dan pameran dalam dan luar negara secara sistematik dengan mengambil kira kepelbagaian peringkat umur.

Berikut merupakan senarai program yang telah dilaksanakan.

Bil.	Program	Tarikh	Tempat
1.	Pameran Manuskrip Melayu & Pameran Tradisi Ilmu dan Teknologi: Keris dan Senjata Lain dalam Manuskrip Melayu sempena Pesta Buku dan Karnival Pembaca Perlis 2020	25 Feb – 1 Mac 2020	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs)
2.	Wacana Manuskrip Melayu Bil. 1/2020: <i>Kitab Qunu' liman Ta'ttafa</i> : Pengenalan Karya Mengenai Isu Halal dan Sembelihan Abad Ke-19 Masihi	28 Julai 2020	Aras 11, Menara PNM
3.	Pameran Mini Manuskrip Melayu sempena Program Sambutan Hari Kebangsaan ke-63 dan Hari Malaysia	15 September 2020	Aras 10, Menara PNM
4.	Wacana Manuskrip Melayu Bil. 2/2020: Kedaulatan Institusi Beraja: Selagi ada Bulan dan Bintang	17 September 2020	Aras 10, Menara PNM
5.	Pameran bersempena Majlis Penyampaian Sijil Anugerah Standard Pelancongan ASEAN Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 2020-2022	22 September 2020	Hotel Sheraton, Petaling Jaya
6.	Pameran Maya Manuskrip Melayu: Kebitaran Melayu	24 November - 24 Disember 2020	-



Pameran Manuskrip Melayu Sempena Pesta Buku Dan Karnival Pembaca Perlis 2020

Pameran Tradisi Ilmu dan Teknologi dalam Manuskrip Melayu sempena Pesta Buku dan Karnival Pembaca Perlis yang diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia Perlis pada 25 Februari - 1 Mac 2020. Pameran tumpuan kepada persenjataan yang terdapat dalam manuskrip Melayu koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Bahan yang dipamerkan adalah dalam bentuk panel dan replika manuskrip seperti *MSS 798 Jenis-Jenis Keris*, *MSS 2778 Azimat. Mantera. Pamor Keris*, *MSS 2799 (A) Pamor Keris. Kitab Tib*, *MSS 2836 Kitab Tib. Petua. Azimat. Jenis-Jenis Keris*, *MSS 1922 Petua Menembak*, *MSS 1380 Mantera Menembak*, *MSS 763 Tuhfat al-Nafis* (Salinan fotokopi), *MSS 96 Tuhfat al-Nafis* (Salinan Faksimile) dan *MSS 1713 Hikayat Hang Tuah*. Raja Muda Perlis Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail bersama isteri Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan mengunjungi pameran ini.



DTYM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (Raja Muda Perlis) menandatangani buku lawatan Pameran Tradisi Ilmu dan Teknologi: Keris dan Senjata Lain dalam Manuskrip Melayu

*Gambar diambil sebelum pelaksanaan PKP.



Wacana Manuskrip Melayu Bil. 1/2020

Kitab Qunu' liman Ta 'attafa: Pengenalan Karya Mengenai Isu Halal dan Sembelihan Abad Ke-19 Masihi


Program Wacana Manuskrip Melayu Bil. 1/2020 pada 28 Julai 2020 mengupas salah satu karangan tersohor Syeikh Abbas Kuta Karang oleh YBhg. Prof. Dr. Muhammad Mustaqim bin Mohd Zarif, Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk *Kitab Qunu' liman Ta 'attafa: Pengenalan Karya Mengenai Isu Halal dan Sembelihan Abad Ke-19 Masihi*. *Qunu' liman Ta 'attafa*. Seramai 51 orang sahaja peserta telah hadir dengan pematuhan kepada SOP yang ketat manakala 2,334 penonton.



YBhg. Prof. Dr. Muhammad Mustaqim bin Mohd Zarif membentangkan kertas bertajuk *Kitab Qunu' liman Ta 'attafa: Pengenalan Karya Mengenai Isu Halal dan Sembelihan Abad Ke-19 Masihi*. *Qunu' liman Ta 'attafa*



Pameran Manuskrip Melayu Sempena Majlis Penyampaian Sijil Anugerah Standard Pelancongan ASEAN Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 2020-2022



Sempena Majlis Penyampaian Sijil Anugerah Standard Pelancongan ASEAN Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 2020-2022, PNM telah menyertai pameran manuskrip Melayu dan koleksi Malaysiana yang diadakan di Hotel Sheraton Petaling Jaya. Pameran ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) memperkenalkan produk pelancongan dalam bentuk ilmu dan warisan selain tarikan pelancong sedia ada. Beberapa naskah manuskrip Melayu dan Koleksi Nadir yang unik dan tersohor dari koleksi PNM telah dipamerkan. Turut dipamerkan kepada pengunjung adalah batik yang diilhamkan daripada ragam hias manuskrip Melayu MSS 1713 *Hikayat Hang Tuah*.

Antara Pameran Manuskrip Melayu ialah MSS 2864 *Taj As-Salatin*.



Wacana Manuskrip Melayu Bil. 2/2020

Kedaulatan Institusi Beraja: Selagi Ada Bulan dan Bintang

Program Wacana Manuskrip Melayu Bil. 2/2020 bertajuk Kedaulatan Institusi Beraja: Selagi Ada Bulan dan Bintang telah diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang peranan dan kepentingan institusi Beraja di negara ini. Institusi Beraja ini perlu dipelihara dan dikekalkan sebagai pelindung kesinambungan identiti, cara hidup dan budaya masyarakat Malaysia. Panel penceramah yang diundang adalah YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali (Universiti Malaya). Seramai 63 orang peserta telah hadir serta ditonton oleh 2,386 orang secara langsung melalui saluran FB Live PNM.



YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali (Universiti Malaya), membentangkan kertas bertajuk Kedaulatan Institusi Beraja: Selagi Ada Bulan dan Bintang.

Bahagian Sumber Elektronik




Prestasi dan Pencapaian

Bahagian Sumber Elektronik bertanggungjawab menyediakan dan mempromosikan perkhidmatan pangkalan data yang terdapat di portal u-Pustaka kepada semua pengguna Perpustakaan Negara Malaysia. Bahagian ini juga berperanan menyediakan statistik penggunaan pangkalan data secara berkala. Sepanjang tahun 2020, capaian kepada perkhidmatan pangkalan data adalah amat menggalakkan, di mana ia telah mencatatkan sebanyak 6,631,475 penggunaan.

Bahagian ini turut memberikan perkhidmatan audio dan *video on demand*, koleksi audio visual, koleksi Orang Kurang Upaya dan perisian interaktif *Virtual Reality (VR)* dan *Augmented Reality (AR)*. Bahagian ini juga berfungsi menyediakan rakaman video dan foto untuk keseluruhan urusan rasmi Jabatan.

Berikut adalah perincian mengenai pencapaian penggunaan perkhidmatan pangkalan data 2020.



Program & Aktiviti



**BENKEL MARI BELAJAR BAHASA ISYARAT
UNTUK PETUGAS KAUNTER
25 OGOS 2020**



Encik Mohd Armi bin Rusli selaku penceramah sedang memberi tunjuk ajar kepada para peserta.

**MINGGU DIGITAL@PNM 2020
23 DAN 24 SEPTEMBER 2020**



Diskusi Digital: Teknologi Robotik dan Pandemik COVID-19.



Puan Zuliana binti Ab. Rashid, berkongsi ilmu Literasi Media dan Maklumat kepada peserta.



Para peserta menggunakan telefon bimbit untuk mencuba latihan Literasi Media dan Maklumat.

**Gambar diambil semasa pelaksanaan PKPP.*

POSTER PROMOSI PANGKALAN DATA



Latihan pangkalan data Overdrive



Latihan pangkalan data Raz Kids.



Latihan pangkalan data E-Pembelajaran



Latihan pangkalan data LAWNET



Latihan pangkalan data Buffet@PNM.



Latihan pangkalan data Zinio (RB Digital)



Poster promosi latihan pangkalan data i-Learn Ace.



Poster promosi latihan pangkalan data BLIS.



pressreader™

Latihan & Kuiz Sesi 2020 PressReader
PressReader Training & Quiz Session 2020

22 Disember 2020
Selasa | Tuesday

Penceramah
Presenter

David Choo
Manager, Digital Division
UBS UNIVERSITY BOOK STORE MALAYSIA

10.00 - 12.00
pagi - tengah hari

f LIVE

Dalam sesi ini, University Book Store Malaysia akan memaparkan:

Latihan dan Kuiz PressReader kepada ahli-ahli perpustakaan di Perpustakaan Negara Malaysia

- Cara penggunaan aplikasi PressReader dengan betul
- Bagaimana cara-cara untuk memasarkan PressReader kepada rakyat Malaysia dengan tepat.
- Hadiah akan diberikan kepada peserta yang menyertai kuiz
- Pemenang yang menjawab soalan kuiz dengan tepat akan diberikan hadiah (Macmillan Essential Dictionary for Learners of English)

In this session, University Book Store Malaysia will share about:

Training and Quiz on PressReader for library members at National Library of Malaysia

- How to use PressReader App
- How to introduce PressReader to Malaysian
- Prize for quiz participants
- Prize (Macmillan Essential Dictionary for Learners of English) for quiz winner

Latihan pangkalan data *Press Reader*.



**LATIHAN PENGGUNAAN
PANGKALAN DATA
PNM ELIB**

Tarikh: 22/10/2020 (Khamis)
Masa: 10-11 pagi

Menerusi FB Live ELIB by e-Sentral



<https://www.facebook.com/elibbyesentral/live/>

Kuiz dan hadiah menarik menanti pemenang!



Latihan pangkalan data PNM E-Lib.

PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN KOMUNITI

Bahagian Pinjaman

Selaras dengan usaha Perpustakaan Negara Malaysia dalam mewujudkan masyarakat Malaysia yang mengamalkan tabiat membaca dan mencintai ilmu pengetahuan, Bahagian Pinjaman sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan pinjaman buku yang disediakan untuk pengguna dewasa dan kanak-kanak adalah berkualiti dan terkini. Mendepani kehendak pelanggan masa kini dan selaras dengan usaha membudayakan tabiat membaca, Bahagian Pinjaman juga lebih responsif dan proaktif dengan menyediakan pelbagai aktiviti galakan membaca dan galak guna perpustakaan yang lebih menarik dengan diserapkan elemen media interaktif dan penggunaan gajet terkini. Usaha-usaha ini adalah selaras dengan falsafah Perpustakaan Negara Malaysia iaitu bagi membina rakyat Malaysia berbudaya membaca dan cintakan ilmu melalui pembelajaran sepanjang hayat ke arah memartabatkan tradisi keilmuan.



Fungsi Bahagian Pinjaman

Fungsi utama Bahagian Pinjaman adalah menyediakan perkhidmatan pinjaman kepada pembaca berdaftar iaitu dari golongan dewasa dan kanak-kanak dengan cekap dan berkesan ke arah membina masyarakat berilmu dan berbudaya membaca.



Perkhidmatan Pinjaman

Bahagian Pinjaman menyediakan perkhidmatan pinjaman dan pemulangan kepada pengguna dengan menawarkan perkhidmatan Pinjaman Dewasa, Pinjaman Kanak-kanak, Pinjaman Berkelompok dan Pinjaman di Perpustakaan Komuniti.

Sepanjang tahun 2020, jumlah pinjaman dan pemulangan dari pengguna adalah sebanyak 356,775 naskhah.



Perkhidmatan Pinjaman dan Pemulangan 2020

UNIT	PINJAMAN (NASKHAH)	PEMULANGAN (NASKHAH)	TEMPAHAN (NASKHAH)
Pinjaman Dewasa	41,563	40,169	5
Pinjaman Kanak-kanak	15,072	15,787	-
Pinjaman Berkelompok	150,201	61,828	-
Perpustakaan Komuniti	15,693	16,462	3
JUMLAH	222,529	134,246	8



Keahlian Pinjaman Berkelompok

Perkhidmatan ini disediakan kepada institusi/jabatan yang tidak mempunyai atau kurang peruntukan untuk perolehan koleksi bahan bacaan. Perkhidmatan ini bertujuan untuk memberi galakan dan sokongan kepada pertubuhan, persatuan, institusi, jabatan, kementerian, syarikat swasta, sekolah, institut pengajian tinggi dalam usaha mereka menyediakan kemudahan membaca dan seterusnya memupuk minat membaca di kalangan orang ramai. Sehingga Disember 2020, keahlian Pinjaman Berkelompok telah meningkat kepada 689 ahli. Pertambahan ahli pada tahun 2020 adalah sebanyak 21 institusi.



Perkhidmatan Perpustakaan Komuniti

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menerapkan kecemerlangan budaya ilmu kepada masyarakat dalam pembangunan negara, PNM telah mengambil inisiatif dengan mengadakan pelbagai aktiviti dan program untuk menarik minat masyarakat tempatan antaranya adalah dengan penubuhan Perpustakaan Komuniti.

Perpustakaan Komuniti berfungsi sebagai pusat maklumat setempat bagi memudahkan masyarakat mengakses bahan-bahan bacaan dan maklumat dengan mudah dan cepat di tempat-tempat tumpuan utama masyarakat bandar. Selain ini, perpustakaan komuniti juga menggalakkan dan memupuk amalan budaya membaca dengan membawa bahan-bahan bacaan dekat dengan masyarakat setempat di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

Sehingga tahun 2020, jumlah perpustakaan komuniti PNM yang beroperasi adalah sebanyak lima (5) buah perpustakaan komuniti. Perpustakaan Komuniti adalah seperti berikut:

- 1 Perpustakaan Komuniti AEON Mahkota Cheras (PKMC)
- 2 Perpustakaan Komuniti AEON AU Setiawangsa (PKAU2)
- 3 Perpustakaan Awam Bukit Damansara (PABD)
- 4 Perpustakaan Komuniti Mini UTC Keramat Mall (PK Mini UTC Keramat)
- 5 Perpustakaan Buku2U@Radia Bukit Jelutong



Aktiviti Galakan Membaca

Sepanjang tahun 2020, Bahagian Pinjaman telah melaksanakan aktiviti galakan membaca dan galak guna perpustakaan secara fizikal dan dalam talian. Sebanyak 67 aktiviti galakan membaca telah diadakan yang melibatkan pelbagai peringkat umur masyarakat. Senarai aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bil.	Aktiviti Fizikal	Jumlah
1.	Skala kecil	9

Bil.	Aktiviti Dalam Talian	Jumlah
1.	Skala Sederhana	4
2.	Skala kecil	54




Koleksi

Pada tahun 2020, jumlah koleksi di Bahagian Pinjaman (Pinjaman Dewasa, Kanak-kanak dan Kelompok) telah meningkat kepada 925,092 naskhah. Koleksi di Perpustakaan Komuniti turut meningkat kepada 105,427 naskhah. Ini menjadikan jumlah koleksi pinjaman Perpustakaan Negara Malaysia kepada sebanyak 1,030,519 naskhah pada tahun 2020.


Jumlah peningkatan koleksi di sepanjang tahun 2020 adalah sebanyak 10,428 naskhah bahan. Pecahan peningkatan koleksi ini adalah seperti berikut:

STATISTIK PENINGKATAN KOLEKSI 2020




**AKTIVITI/ PROGRAM YANG DIJALANKAN DALAM
TALIAN UNTUK GALAKAN MEMBACA DAN
GALAK GUNA PERPUSTAKAAN**


*gambar diambil sebelum pelaksanaan PKP



AKTIVITI/ PROGRAM YANG DIJALANKAN DALAM
TALIAN UNTUK GALAKAN MEMBACA DAN
GALAK GUNA PERPUSTAKAAN



ai kerjasama tuan puan dan adik-adik untuk memberikan maklumbalas dan penghargaan di Borang Maklumbalas <http://pnm.gov.my>




*Gambar diambil sebelum pelaksanaan PKP.

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis




Prestasi dan Pencapaian

Kejayaan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs) pada tahun 2020 telah berjaya menempatkan satu poster dalam IFLA WLIC 2021, Dublin iaitu *Apron Theater*. Namun akibat pandemik COVID-19 sesi pembentangan telah dibatalkan. PAN Perlis juga telah menjadi Johan Pertandingan Bercerita *Youth Librarian Storytelling* Peringkat Kebangsaan anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.



Pencapaian Perkhidmatan PPANPs


Sepanjang tahun 2020 aktiviti perkhidmatan perpustakaan telah mencatatkan statistik secara keseluruhan seperti berikut:





Kategori Perpustakaan

Pentadbiran PPANPs telah menyediakan perkhidmatan perpustakaan di seluruh negeri Perlis bagi menjadikan perpustakaan sebagai tempat untuk aktiviti riadah, kebudayaan dan pembelajaran sepanjang hayat melalui penubuhan Perpustakaan Cawangan, Pekan, Komuniti, Desa dan Bas Bergerak. Pecahan perpustakaan di bawah Perlis mengikut jenis rangkaian perkhidmatan adalah seperti berikut:



Program / Aktiviti

Pada tahun 2020 telah memberi fokus program kepada golongan bayi dan prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, IPT, penjawat awam, keluarga / komuniti dan golongan berkeperluan khas. Walaupun situasi tidak mengizinkan aktiviti diadakan secara fizikal, namun usaha telah dilaksanakan dengan menjalankan aktiviti secara dalam talian. Berikut merupakan statistik pengunjung aktiviti mengikut kategori perpustakaan.

BIL	PERPUSTAKAAN	JUMLAH AKTIVITI	PENGUNJUNG (Orang)
1.	Negeri	305	195,644
2.	Perpustakaan Kanak - kanak	12	310
3.	Perpustakaan Cawangan (3 buah)	364	13,006
4.	Samsung <i>Smart Library</i>	5	111
5.	Perpustakaan Desa (36 buah)	3,710	56,351
6.	Perpustakaan Bergerak	3	37
7.	Perpustakaan Pekan & Komuniti UTC Perlis	213	4,180
JUMLAH		4,612	269,639



Program Utama 2020

Dalam usaha menyeramarkan budaya membaca beberapa program telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT
1.	25 Feb - 1 Mac 2020	Pesta Buku dan Karnival Pembaca Perlis	Perkarangan PPANPs
2.	25 Feb - 30 April 2020	Cabaran Video Bacaan Kegemaran Saya	Seluruh Malaysia

BIL.	TARIKH	PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT
3.	28 Feb - 1 Mac 2020	Pertandingan Teka Berat Padi dan Promosi Perpustakaan@PAT 2020	Kampung Oran, Perlis
4.	23 April 2020	Jom Baca 10 Minit	Live FB PPANPs
5.	13 Mei 2020	World #QuranHour	Live FB PPANPs
6.	30 Jun 2020	Taklimat dan Penyerahan <i>Kit Reading Seeds</i>	Auditorium PPANPs
7.	7 - 28 Ogos 2020	Peraduan Mewarna	FB PPANPs
8.	31 Ogos - 31 Sept 2020	Kuiz Hari Kebangsaan & Hari Malaysia	FB PPANPs
9.	6 Okt - 15 Dis 2020	Pertandingan Menulis Sajak 'Puisi dari Penjara'	Pusat Koreksional Perlis
10.	1 - 31 Dis 2020	Syoknya ke Perpustakaan	Perpustakaan Kanak-kanak



Program Skala Kecil

Sepanjang tahun 2020 sebanyak 37 program berskala kecil yang turut dilaksanakan dalam mempromosi kerjasama budaya membaca. Program ini adalah anjuran PPANPs dengan kerjasama jabatan-jabatan negeri Perlis. Antara program yang menarik adalah Aktiviti Perpustakaan Keluarga, Ulasan Buku oleh Penjawat Awam, Projek Rintis *BOOK2U* (kerjasama dengan pihak sekolah), Eksperimen Sempena PKP: Menanam Taugeh, Pertandingan Menulis Cerpen Dialek Perlis, Karas dan Dangai: Kuih Tradisional Melayu, Pertandingan Video Pendek Ucapan Hari Merdeka tema: Merdeka "Malaysia Prihatin" dan lain-lain. Hampir keseluruhan program ini dilaksanakan secara dalam talian menerusi Facebook.



Pameran, Promosi Dan Kempen Daftar Ahli

Pameran Promosi dan Kempen Daftar Ahli dijalankan atas permintaan agensi dan jabatan di negeri Perlis dan juga sekolah – sekolah. Pelbagai pengisian menarik antaranya Pameran Rangkaian Perpustakaan, Pameran Buku, Sudut Permainan Ilmu, Jejak Maklumat, Kempen Daftar Ahli dan lain – lain lagi. Pada tahun 2020, sebanyak 3 siri Pameran, Promosi dan Kempen Daftar Ahli telah dijalankan iaitu:

BIL.	TARIKH	PROGRAM	PENGISIAN	TEMPAT
1.	18 Januari 2020	Pameran dan Promosi galakan Membaca sempena Karnival Inspirasi Wanita Peringkat Komuniti Desa (PKB)	Promosi Galakan Membaca, Sudut Bacaan, Daftar Ahli Perpustakaan Percuma, Membaca Jawi, Permainan dan <i>Yellow Apron</i>	FELCRA Lubuk Sireh, Perlis
2.	28 Feb - 1 Mac 2020	Promosi Perpustakaan@PAT 2020	Promosi Galakan Membaca, Sudut Bacaan, Daftar Ahli Perpustakaan Percuma, Membaca Jawi, Permainan dan <i>Yellow Apron</i>	Kampung Oran, Perlis
3.	10 Mac 2020	Pelancaran Nilam dan Wakaf Buku	Pelancaran Nilam dan Wakaf Buku	Sekolah Agama Islahiyah Rendah (SAIR), Perlis



Latihan dan Khidmat Nasihat

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 7 sesi latihan yang telah berjaya dilaksanakan kepada jabatan atau organisasi yang berkeperluan.

BIL.	TARIKH	PROGRAM
1.	25 Mac 2020	Penerangan Penggunaan u-Pustaka bertajuk “Baca Buku <i>Online</i> : Utamakan Pengetahuan, Ingatlah u-Pustaka”
2.	4 Jun 2020	<i>Tutorial</i> Pendaftaran keahlian u-Pustaka
3.	11 Jun 2020	<i>Tutorial</i> Cara Akses <i>E-Book</i> Percuma Dari Pangkalan <i>Data Overdrive</i>
4.	26 Jun 2020	<i>Tutorial</i> Cara mengakses Pangkalan <i>Data Full A Mark</i>
5.	16 Julai 2020	Latihan Pangkalan <i>Data BLIS</i>
6.	13-14 Okt 2020	Bengkel Penulisan <i>Perlis</i>
7.	23 – 27 Nov 2020	Program Bijak <i>Bisness@Library</i>



Program Pembangunan Sumber Manusia

Pembangunan sumber manusia untuk kakitangan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran sama ada dalam bidang kepustakawanan atau bidang lain turut diberi pendedahan. Sebanyak 29 bengkel / kursus / latihan telah dihadiri oleh kakitangan PPANPs.



Lawatan

PPANPs turut menerima 43 lawatan berpandu dan rasmi dari sekolah-sekolah sekitar negeri *Perlis*. Dalam sesi lawatan ini, peserta dibawa melawat sekitar perpustakaan, penerangan tentang perpustakaan dan juga menjalankan aktiviti yang bersesuaian seperti *Ceramah*, *Info Hunt*, *Kraftangan*, dan *Aktiviti Sudut Permainan Ilmu*. Sejumlah 2,416 orang pelajar telah menghadiri lawatan ke PPANPs.



Kerjasama Strategik

Pada 2 Oktober 2017, PPANPs telah menandatangani MoU bersama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri *Perlis* bagi Program Pembangunan Pusat Sumber Sekolah (PSS). Melalui perjanjian yang telah termeterai ini, PPANPs akan menjalankan kerjasama strategik dalam tiga perkara iaitu khidmat bantu bahan, kepakaran dan *networking* di 21 buah sekolah.

PERPUSTAKAAN DIGITAL NEGARA

Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan



Prestasi dan Perkhidmatan



Perkhidmatan u-Pustaka

u-Pustaka menyediakan perkhidmatan perpustakaan dalam talian yang dapat diakses oleh seluruh rakyat Malaysia pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja melalui portal u-Pustaka di www.u-pustaka.gov.my. Sesuai dengan amalan norma baharu, rakyat Malaysia boleh membaca dan meminjam bahan bacaan dalam talian secara 24/7 tanpa perlu ke perpustakaan.

Mulai tahun 2020, pengguna u-Pustaka boleh mengkases dan meminjam buku-buku fizikal daripada 12 perpustakaan konsortium iaitu penambahan 4 perpustakaan awam negeri baharu iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM), Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah (PPAK) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANS). Perpustakaan konsortium lain adalah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP), Pustaka Negeri Sarawak (PUSTAKA), Perpustakaan Kuala Lumpur (PKL), Perpustakaan INTAN Bukit Kiara, dan Perpustakaan Negeri Sabah (PNS).

1



Penggunaan Portal u-Pustaka

Portal u-Pustaka boleh dilayari melalui laman sesawang di www.u-pustaka.gov.my. Secara kumulatifnya, portal u-Pustaka telah menerima sebanyak 1,341,129 sesi lawatan dan 4,702,124 *page views* untuk tempoh dari tahun 2011 hingga 2020. Bagi sepanjang tahun 2020 sahaja, portal u-Pustaka telah menerima sebanyak 419,126 sesi lawatan dan 1,451,526 *page view*.

2



Keahlian u-Pustaka

Jumlah kumulatif ahli u-Pustaka dari 2011 hingga 2020 adalah sebanyak 520,402 orang. Bagi tahun 2020 sahaja, sebanyak 50,161 ahli baharu u-Pustaka telah didaftarkan. Keahlian u-Pustaka meningkat sekali ganda pada tahun 2020 kerana pengguna banyak meluangkan masa untuk membaca buku di rumah semasa penularan pandemik Covid-19.

3



Transaksi Pinjaman Dalam Talian

Jumlah keseluruhan buku yang telah dipinjam oleh ahli u-Pustaka (kumulatif dari tahun 2011 hingga 2020) adalah sebanyak 13,659 naskah. Bagi sepanjang tahun 2020 sebanyak 442 buah buku telah dipinjam oleh ahli u-Pustaka

4



Promosi Perkhidmatan u-Pustaka

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 119 aktiviti promosi telah dilaksanakan bersama konsortium u-Pustaka di pelbagai Kementerian/ Jabatan Kerajaan, Institut Pengajian Tinggi, sekolah-sekolah dan juga di beberapa program serta karnival yang dianjurkan di seluruh negara. Di samping itu, u-Pustaka giat melaksanakan aktiviti promosi dalam talian menerusi saluran media sosial *Facebook Live*, *Zoom*, *Google Meet* dan lain-lain saluran media.



Khidmat Nasihat & Pembangunan Sistem KOHA

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 13 agensi telah mendapat khidmat nasihat dan bantuan teknikal berkaitan sistem perpustakaan bersepadu KOHA seperti berikut:

01 Kolej Komuniti Batu Gajah, Perak

02 Kolej Komuniti Manjung, Perak

03 Axismatics Professional Institute,
Kuala Lumpur

04 Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor

05 Institut Latihan Kementerian
Kesihatan Malaysia, Johor

06 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
(JKSM)

07 Kolej Komuniti Kuantan, Pahang

08 Istana Budaya, Kuala Lumpur

09 Kolej Komuniti Langkawi, Kedah

10 Kolej Komuniti Ledang, Johor

11 KLIA Professional & Management
College, Negeri Sembilan

12 Politeknik Sultan Salahuddin
Abdul Aziz Shah, Selangor

13 Majlis Keselamatan Negara,
Putrajaya

AKTIVITI PROMOSI u-PUSTAKA SEPANJANG TAHUN 2020



Perkhidmatan Sumber Bacaan Digital di Slot Radio KLfm pada 26 Mac 2020



Idea dan Ilmu Bermanfaat Mengisi Masa Lapang di Slot Selamat Pagi Malaysia pada 12 April 2020



Forum PPM2U Siri 1: Bengkel Literasi Media & Maklumat pada 18 Julai 2020 melalui FB Live Persatuan Pustakawan Malaysia



Taklimat u-Pustaka pada Program Webinar Guru Perpustakaan dan Media Negeri Kedah pada 5 Mei 2020 secara dalam talian



Bengkel Literasi Media Dan Maklumat dan Taklimat u-Pustaka pada 23 Julai 2020 di Mini Auditorium, NAHRIM

*Gambar diambil semasa pelaksanaan PKPP.

AKTIVITI PROMOSI u-PUSTAKA SEPANJANG TAHUN 2020




**YAB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin
Perdana Menteri Malaysia
telah diperkenalkan dengan Perkhidmatan u-Pustaka
semasa Pelancaran Perpustakaan Parlimen
pada 25 Ogos 2020.**

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.u-pustaka.gov.my>

Encik Yazid Ibrahim, Pustakawan PNM menyampaikan taklimat u-Pustaka kepada Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin



Sesi Rakaman “Kenali u-Pustaka” bersama kru Japen TV, Jabatan Penerangan Malaysia pada 23 September 2020 di Perpustakaan Bestari PNM



Taklimat Perkhidmatan Perpustakaan Digital dan u-Pustaka pada 22 September 2020 di Maktab PDRM Kuala Lumpur

**Gambar diambil semasa pelaksanaan PKPP.*

AKTIVITI PROMOSI u-PUSTAKA SEPANJANG TAHUN 2020



Bengkel Literasi Media & Maklumat dan Taklimat u-Pustaka pada 23 September 2020 di Hospital Kuala Lumpur



Bengkel u-Pustaka pada 24 September 2020 di Institut Kemahiran Tinggi
Belia Negara Pagoh, Muar, Johor

**Gambar diambil semasa pelaksanaan PKPP.*



Spread Information Lead Transformation –
“Bicara Literasi Media dan Maklumat:
Kepentingan Literasi Maklumat dalam institusi
pendidikan dan Perkhidmatan u-Pustaka”
pada 10 Disember 2020 menerusi WEBEX UiTM



Sembang Santai (Series 18) - Inisiatif &
Strategi Perpustakaan Digital pada 30
Oktober 2020 melalui FB Live Librarian
I.D.E.A.S & Sembang Pustakawan

Bahagian Kandungan Digital



Prestasi dan Pencapaian

Bahagian Kandungan Digital bertanggungjawab membangunkan kandungan digital PNM dan melaksanakan pendigitalan bagi koleksi perpustakaan terpilih.



Aktiviti Pendigitalan

Aktiviti pendigitalan koleksi perpustakaan merupakan salah satu usaha yang berterusan untuk memelihara khazanah warisan negara dan menyediakan akses kepada sumber-sumber perpustakaan dengan lebih mudah dan cepat seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

Pada tahun 2020, BKD telah melaksanakan Projek Perkhidmatan Pendigitalan Koleksi Negara secara Khidmat luar sebanyak 200,000 muka surat yang melibatkan sebanyak 2,000 judul.



Paparan muka hadapan laman web MyRepository



Sistem Repositori Digital@ PNM (MyRepository)

MyRepository merupakan satu platform yang mengumpulkan koleksi yang terdapat di PNM sebagai khazanah digital negara dalam pelbagai format digital bagi memastikannya dapat diakses tanpa sempadan dengan menggunakan teknologi terkini. Pengguna boleh melayari kandungan digital tersebut di <https://upnih.pnm.gov.my/myrepo-public/welcome>

Medium ini dapat diakses di seluruh negara dan dilayari pada bila-bila masa 24/7, di mana-mana sahaja menggunakan akses internet. Sehingga kini, sebanyak 47,695 judul yang terdiri dari Koleksi Negara, Koleksi Khas, Koleksi Manuskrip Melayu dan Koleksi Surat Khabar yang telah dimuatnaik ke dalam sistem *MyRepository*. Pengguna boleh mendapat akses paparan penuh (*full text*) di dalam premis PNM dengan menggunakan *Wi-Fi* yang disediakan. Pengguna yang di luar premis PNM hanya mendapat paparan preview sekurang-kurangnya 10 muka surat.



Pendigitalan Koleksi Perpustakaan

Pendigitalan Bahan Perpustakaan oleh PNM dikategorikan seperti berikut:



Pendigitalan *In-house*

Bahan yang terlibat untuk pendigitalan telah melalui proses pemilihan bahan oleh Jawatankuasa Pemilihan Bahan untuk Pendigitalan Bil.1/2020 dan telah diluluskan oleh Ketua Pengarah PNM. Kriteria pemilihan bahan mengikut Dasar dan Garis Panduan Pendigitalan Koleksi Perpustakaan.

BIL.	JENIS BAHAN	JUDUL	MUKA SURAT
1.	Terbitan Jabatan		
	(a) Jurnal Fiologi Melayu	3	522
	(b) Monograf	16	2,214
2.	Koleksi Jabatan		
	(a) Koleksi Peribadi	1	332
	(b) Buku Nadir	6	268
	(c) Manuskrip Melayu	17	2,436
	(d) Koleksi Negara	1,533	209,440
JUMLAH		1,576	215,212

Pendigitalan *Out-Source*

Jawatankuasa Pemilihan Bahan untuk Pendigitalan telah melaksanakan penilaian berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan iaitu pendigitalan bahan retrospektif yang melibatkan bahan monograf dari Koleksi Negara dengan sasaran sebanyak 200,000 muka surat.

Berikut adalah statistik pendigitalan *out-source* sehingga Disember 2020 untuk Koleksi Negara.

Statistik Pendigitalan *Out-Source*




Pendigitalan Melalui Kerjasama Agensi Luar

Kerjasama bersama agensi luar menggalakkan perkongsian bahan digital selaras dengan Dasar Pendigitalan Koleksi Perpustakaan di mana pendigitalan bahan dibuat sekali sahaja. Sebanyak dua (2) agensi telah menggunakan fasiliti dan kemudahan yang telah disediakan di PNM.


Berikut adalah statistik pendigitalan kolaboratif bersama agensi luar:

Statistik Pendigitalan Kolaboratif



Pencapaian Pendigitalan Kumulatif

Pencapaian pendigitalan secara kumulatif daripada koleksi perpustakaan sehingga tahun 2020 adalah seperti berikut:




Kiosk Digital PNM

PNM telah membangunkan *Kiosk Digital@PNM* yang menggunakan konsep mobiliti bagi memudahkan capaian akses bahan digital bagi memanfaatkan perkembangan teknologi masa kini. Melalui mobiliti akses ini, pengguna boleh mencapai bahan-bahan bacaan ini dengan menggunakan dua (2) kaedah akses iaitu melalui skrin sentuh *Kiosk* dan melalui akses telefon pintar (menggunakan *Wi-Fi Kiosk* yang disediakan).

Penambahan judul dilaksanakan setiap tahun iaitu sebanyak 150 judul sebagai inisiatif untuk memperbanyak bahan digital dalam kiosk digital@PNM iaitu 50 judul bagi Koleksi Manuskrip Melayu, 50 judul Koleksi Nadir dan 50 judul Koleksi Peribadi. Jumlah keseluruhan bahan digital yang terdapat dalam *Kiosk Digital@PNM* adalah sebanyak 1,420 judul.

Kumulatif Kandungan *Kiosk Digital@PNM*



Jumlah keseluruhan kandungan Kiosk Digital



Perkhidmatan e-BOOK BEACON ZONE

Perkhidmatan e-Book Beacon Zone yang dilaksanakan mulai 2019 melalui fasiliti Smart Tourism membolehkan pengguna mengakses dan memuat turun bahan-bahan bacaan percuma dalam pelbagai genre khususnya berkaitan pelancongan di Malaysia dan pembacaan umum dalam bentuk digital ke telefon pintar peribadi mereka. Pengguna yang telah memuat turun aplikasi PNM eReader melalui AppStore atau Google Play, akan mendapat akses kepada e-buku melalui telefon pintar apabila mereka melalui kawasan yang terdapat liputan beacon.




Brosur edaran Penggunaan Perkhidmatan e-Book Beacon Zone

Perkhidmatan ini boleh diakses di 11 lokasi tumpuan rakyat dan pelancong iaitu di Pasar Seni, KL City Walk, KL Bird Park, Masjid Putra, Melaka River Cruise, Muzium Negara, Kompleks Kraf, Stesen Sentral Kuala Lumpur, MOTAC, Institut Jantung Negara dan Terminal Bersepadu Selatan (TBS).



Analisis Statistik Perkhidmatan e-Book Beacon Zone


Analisis statistik mendapati purata sebanyak 813 pengguna telah mengakses perkhidmatan e-Book Beacon Zone sepanjang 2020. Jumlah keseluruhan penggunaan adalah sebanyak 8,952 pengguna.



Rajah di atas menunjukkan terdapat jurang yang besar dalam penggunaan perkhidmatan e-Book Beacon Zone semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 18 Mac 2020 hingga 9 Jun 2020. Aktiviti sosial dan pergerakan yang terhad akibat pandemik menyebabkan trend penggunaan yang menurun.



Statistik Pengguna Perkhidmatan



Rajah di atas menunjukkan Institut Jantung Negara merupakan lokasi penggunaan perkhidmatan tertinggi iaitu sebanyak 52% dan di ikuti dengan Muzium Negara (15%). Pengguna terendah adalah di Kompleks Kraf (1%), Pasar Seni (1%) dan KL Bird Park (1%).



Penambahbaikan Berterusan

Program yang dirancang bagi merencanakan sektor pelancongan perlu disokong dengan pelbagai aktiviti galakan pelancong. Namun begitu, faktor luar jangka seperti arahan Perintah Kawalan Pergerakan dan pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada keberkesanan perkhidmatan yang telah dilaksanakan.

Sehubungan itu, perkhidmatan ini diharapkan dapat memberi impak kepada pengguna serba sedikit bagi pengguna yang mendapat akses kepada perkhidmatan yang telah disediakan. Aktiviti promosi perlu diperhebatkan dan sesi pemantauan perlu dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan ini sentiasa dapat diakses oleh pengguna. Langkah alternatif juga boleh dirancang bagi menaiktaraf perkhidmatan yang sedia ada seperti cadangan mewujudkan aplikasi digital berasaskan geolokasi.




ASEAN Digital Library (ADL)

PNM terus komited menyumbang kepada pembangunan koleksi digital negara dan seterusnya berkongsi koleksi warisan khazanah Malaysia berkaitan warisan, seni dan budaya kepada *ASEAN Digital Library (ADL)*. Portal ADL boleh diakses di <https://www.aseanlibrary.org/>.

Portal ADL dibangunkan oleh *National Library Board of Singapore (NLB)* dan menyimpan metadata koleksi digital yang dikongsi oleh Negara-Negara ASEAN seperti Vietnam, Indonesia, Brunei, Kemboja, Myanmar, Filipina, Singapura, Laos dan Thailand. PNM menyumbang metada koleksi Manuskrip Melayu, Koleksi Nadir dan Koleksi Peribadi mulai tahun 2017. Sehingga kini, sebanyak 1,208 rekod metadata telah dihantar kepada NLB.

Pelbagai usaha berterusan dilaksanakan oleh Bahagian Kandungan Digital bagi memastikan koleksi khazanah Malaysia dapat diakses secara global dan sentiasa tersedia dalam format digital, seterusnya dapat memelihara khazanah negara untuk rujukan generasi akan datang.

Metadada Koleksi PNM untuk *ASEAN Digital Library*



Bahagian Pengurusan Projek Digital



Projek Utama Pembangunan u-Pustaka Sebagai Hub Maklumat Negara

Perkhidmatan *Ubiquitous Library* atau dikenali sebagai u-Pustaka merupakan gerbang capaian kepada sumber perpustakaan secara maya pada bila-bila masa dan dari mana-mana sahaja. Perkhidmatan yang disediakan menggabungkan perkhidmatan perpustakaan samada secara fizikal dan digital. Pembangunan u-Pustaka bermula pada tahun 2009 dan selesai pada tahun 2010 dengan penglibatan tujuh (7) perpustakaan konsortium.

Projek Pembangunan u-Pustaka sebagai Hub Maklumat Negara merupakan projek perluasan kepada Perkhidmatan u-Pustaka di bawah RMKe-11, RP2. Projek bernilai RM 13,939,000.00 merupakan perluasan Perkhidmatan u-Pustaka ini melibatkan penambahan skop seperti berikut:

- i) Pembangunan Sistem Katalog Induk Kebangsaan (KIK) Baharu yang merupakan tulang belakang kepada Perkhidmatan u-Pustaka bagi meningkatkan pencapaian sumber maklumat. KIK melibatkan sebanyak 130 ahli konsortium.
- ii) Pembangunan Sistem Repositori Digital (MyRepositori) dan Pendigitalan Koleksi. Pembangunan Sistem MyRepositori melibatkan pendigitalan sebanyak 1.7 juta mukasurat koleksi Perpustakaan Negara Malaysia bagi penambahan kandungan digital tempatan.
- iii) Perluasan Perkhidmatan u-Pustaka yang melibatkan 4 Perpustakaan Awam Negeri (PAN) baharu sebagai ahli konsortium untuk meningkatkan perkongsian sumber. PAN baharu yang terlibat adalah seperti berikut:



- iv) Pembangunan sistem ini dilaksanakan oleh Syarikat MIMOS Berhad bagi tempoh selama 2 tahun iaitu mulai 14 Disember 2017 hingga 13 Disember 2019 dengan tempoh waranti bermula dari 14 Disember 2019 sehingga 13 Disember 2020. Walau bagaimanapun, disebabkan pandemik COVID-19 dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan, tempoh waranti telah dipanjangkan sehingga 31 Mac 2021.



PORTAL VShare

Portal VShare merupakan sistem pengurusan pengetahuan yang menjadi medium perantara yang digunakan oleh semua kakitangan di PNM untuk mengumpul dokumen dari pelbagai sumber dapat meningkatkan kualiti kebolehcapaian maklumat dan perkongsian ilmu di PNM.



Penggunaan Portal VShare

Kumulatif Dokumen dan Foto Portal VShare (2018-2020)

TAHUN	DOKUMEN	FOTO
2018	4,234	2,953
2019	5,474	4,336
2020	6,978	5,103
PENGUNAAN	988,759	



Aktiviti Pasukan Pengurusan Pengetahuan PNM

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 adalah merangkumi:

- (i) Galakan penggunaan sistem pengurusan pengetahuan melalui hebahan e-mel kepada warga PNM iaitu "Pengguna Aktif VShare" pada setiap bulan mulai Januari 2020.

- (ii) Sudut KM sempena sambutan Minggu Digital PNM (23 - 24 September 2020)
- (iii) Taklimat penggunaan portal VShare kepada pegawai KM Bahagian pada 10 Disember 2020.
- (iv) Temubual (*Oral history*) bersama pegawai bersara

Penambahbaikan fungsi dan Portal VShare

- (i) Melaksanakan pemasangan, konfigurasi dan migrasi *Active Directory* (AD) melibatkan 515 komputer staf PNM.
- (ii) Membangunkan tiga modul baharu iaitu Modul Tempahan Kenderaan, Modul Wikipedia dan Modul Pengurusan Kaunter Perkhidmatan.
- (iii) Mewujudkan sebanyak 31 *Team Sites* baharu untuk setiap aktiviti dan bahagian di PNM.



Pemenang kategori pengguna aktif VShare



Gambar sekitar aktiviti-aktiviti Pasukan Pengurusan Pengetahuan sepanjang 2020



Technology Update



Lawatan Sambil Belajar ke Huawei Customer Solution Innovation Center

Lawatan ke Huawei Customer Solutions Innovation Center diadakan pada 13 Oktober 2020. Program lawatan ini diadakan bagi memenuhi jemputan dari pihak Huawei (M) untuk menghadiri sesi *Technology Update* yang dianjurkan oleh pihak syarikat di samping memberi pendedahan kepada PNM berkaitan teknologi terkini Huawei di pasaran terkini.

Lawatan ini juga adalah sebagai platform untuk persediaan dan pendedahan awal kepada kakitangan PNM mengenai teknologi terkini yang boleh diaplikasikan dan dilaksanakan dalam projek-projek digital khususnya dalam perkhidmatan perpustakaan. Lawatan ini telah disertai oleh 13 pegawai PNM.



*Gambar diambil semasa pelaksanaan PKPB.




Hebahan Microsoft ONE NOTE

Microsoft One Note merupakan antara produk *Microsoft* yang merupakan program mencatat untuk mengumpulkan maklumat secara bebas dan boleh digunakan dengan pelbagai cara. Bagi menyokong norma baharu bagi tahun 2020 iaitu Bekerja Dari Rumah (BDR), *Microsoft One Note* merupakan salah satu medium perkongsian dokumen yang boleh digunakan oleh kakitangan PNM. Sehubungan itu, PMO mengambil inisiatif menghebahkan penggunaan *Microsoft One Note* melalui poster yang diemalkan kepada semua kakitangan PNM pada 31 Oktober 2020.



Sistem Pengurusan Kualiti



**Gambar diambil semasa pelaksanaan PKPP.*

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Dan Inovasi

MS ISO 9001 : 2015

Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 PNM telah dilaksanakan oleh SIRIM QAS *International* Sdn. Bhd. pada 26 hingga 28 Ogos 2020. Audit ini adalah bertujuan bagi memenuhi keperluan pensijilan yang telah diberikan mengikut standard yang dipersijilkan. Bagi melancarkan perjalanan auditan, Mesyuarat Pembukaan Audit telah diadakan pada 26 Ogos 2020 manakala Mesyuarat Penutup pada 28 Ogos 2020. Kedua-dua mesyuarat ini telah diadakan di Bilik Syarahan, Aras 5, Anjung Bestari. Mesyuarat ini dihadiri oleh semua Barisan Pengurusan dan Pegawai ISO Bahagian. Dua (2) orang juruaudit daripada SIRIM QAS *International* Sdn. Bhd. telah hadir iaitu Encik Mohd Nasim Zakaria dan Dr. Montaj Mustakim.



YBrs. Puan Maizan Ismail meyampaikan ucapan dalam mesyuarat Pembukaan Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015

Sijil MS ISO 9001 : 2015 PNM





PUSPANITA



**Gambar diambil semasa pelaksanaan PKPP.*

PUSPANITA



*Gambar ini diambil semasa pelaksanaan PKPP.



Jawatankuasa Eksekutif Puspanita

Penasihat:

Puan Maizan binti Ismail

Pengerusi:

Puan Fadhilah Aini binti Mohd Yusof

Timbalan Pengerusi:

Puan Suhaila binti Abdul Rahman

Setiausaha:

Puan Zalina binti Abdul Rahim

Pen. Setiausaha:

Puan Sofia binti Osman

Bendahari:

Puan Rosnita binti Abdul Ghani

Pen. Bendahari:

Puan Zaiton binti Hassan

Biro Ekonomi:

Puan Ummi Syarni binti Rifaie

Biro Kebajikan:

Puan Junaidah binti Rosliy

Biro Sosial:

Puan Noor Hazwani binti Warmal

Biro Agama:

Puan Rokiah binti Kasim

Biro Sukan:

Puan Natrah Ramadiah binti Mohd Shukor

Pemeriksa Kira-kira 1:

Puan Sayani binti Ismail

Pemeriksa Kira-kira 2:

Puan Noraini binti Kasim



SENARAI AKTIVITI PUSPANITA 2020

Bagi sepanjang tahun 2020 PUSPANITA PNM berkesempatan mengadakan beberapa aktiviti bagi manfaat ahli. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan.

- 1. Lawatan ke Nasyrul Quran Putrajaya**
Tarikh : 13 Februari 2020
Tempat : Kompleks Nasyrul Quran Putrajaya
- 2. Ceramah Agama bersama Ustazah Nazirah Abu Bakar, Pegawai Hal Ehwal Islam, JAKIM – “Darah Wanita”**
Tarikh : 13 Februari 2020
Tempat : Surau Wanita, Aras 12 Menara PNM
- 3. Program Inspirasi Wanita bersama Datin Kalsom dan Dr Soo Winci**
Tarikh : 7 Ogos 2020
Tempat : Perpustakaan Negara Malaysia
- 4. Majlis Serahan Sumbangan Kebajikan Puspanita MOTAC dan PNM**
Tarikh : 23 Disember 2020
Tempat : Perpustakaan Negara Malaysia
- 5. Jualan Pasar Rabu dan Hari Gaji**
Tarikh : Januari - Disember 2020
Tempat : Perkarangan Parkir Kenderaan, PNM

Kelab PNM



* Gambar ini diambil sebelum pelaksanaan PKP.



* Gambar ini diambil semasa pelaksanaan PKPP.

Kelab Perpustakaan Negara Malaysia

Jawatankuasa Eksekutif Kelab PNM sentiasa berusaha menyemarakkan impak positif serta penyatuan dalam kalangan semua ahli Kelab PNM. Pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020.



Program Jalan Mana@Kelab PNM Siri 2

Pada 31 Januari 2020, seramai 24 orang ahli Kelab PNM telah berpeluang mengikuti Program Jalan Mana @ Kelab PNM Siri 2 di Muzium Coklat, Kota Damansara. Program ini merupakan salah satu inisiatif aktiviti lawatan sambil belajar yang dilihat dapat memberi pendedahan dan pengalaman baharu kepada semua peserta selain berkaitan pembuatan dan pemasaran coklat di salah satu Muzium Coklat paling interaktif di Asia Tenggara. Antara pengisian lawatan yang disediakan oleh pihak Muzium Coklat, Kota Damansara adalah seperti berikut:



Interactive Education (Museum 1.0 dan 2.0)



Chocolate Making Experience



Enjoyable Shopping



Exploration of the World of Chocolate



Ahli Kelab PNM bergambar kenangan di Muzium Coklat

**Gambar diambil sebelum pelaksanaan PKP.*



Program *Feel the Beat*

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) PNM pada tahun 2019 telah mencadangkan satu program kesihatan diwujudkan bagi menerapkan budaya hidup sihat dalam kalangan warga PNM.



Persembahan Tarian sempena Majlis Pelancaran PNM TV Channel

Sempena Majlis Pelancaran PNM TV Channel yang telah dirasmikan oleh YBrs. Ketua Pengarah PNM pada 4 September 2020, ahli Biro Sosial Kelab PNM telah membuat persembahan *Bollywood Dance*. Persembahan pembukaan dan selingan ini telah dipimpin oleh Puan Sofia binti Osman Penolong Setiausaha Kelab PNM.



Virtual Fit 2020

Program ini merupakan kesinambungan program *Feel The Beat* di mana inisiatifnya adalah untuk menggalakkan budaya hidup sihat warga PNM menerusi program senam tari yang diadakan secara maya dengan pematuhan SOP yang ditetapkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Program ini diadakan dengan kerjasama Biro Keahlian, Kelab PNM. Aktiviti ini dibimbing oleh Instruktur Jemputan, Encik Adam Sangga dari JKKN. Warga Kelab boleh mengikuti siaran aktiviti ini menerusi platform media sosial rasmi FB Group Kelab PNM. Program ini telah diadakan pada 14 Disember 2020 secara maya.

**JOM IKUTI SENAMROBIK
SECARA MAYA**

"VIRTUAL FIT 2020"

14 DISEMBER 2020 (ISNIN)
9.00PAGI HINGGA 10.00 PAGI

TERBUKA KEPADA SEMUA STAF PNM

Imbas kod QR ini untuk sertai:

ANJURAN KELAB PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Virtual Glow

Program *Virtual Glow* secara maya telah diadakan pada 16 Disember 2020 dengan penyertaan seramai 170 penonton menerusi platform *FB Group* Kelab PNM. Konsep tutorial solekan asas ini dibimbing oleh Cik Nur Azura Che Noor, Penolong Pengarah dari Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa. Beliau mempunyai pengalaman dan sijil dalam Kursus Solekan. Program ini diadakan dengan kerjasama PUSPANITA PNM dan Biro Keahlian, Kelab PNM.

PELAJARI TERNIK SOLEKAN "NO MAKEUP" MAKEUP LOOK

"VIRTUAL GLOW" 2020

16 DISEMBER 2020
10.00 PAGI

PERCUMA

TERBUKA
KEPADA
STAF WANITA PNM

Imbas kod QR ini
untuk sertai

Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia

Pulo Ka Satu

*Warisan Sejarah
Awal Persuratan
Majlis Pulau Pinang*

Hikayat
Hang Tuah

PERPUSTAKAAN NEGARA
MALAYSIA
NATIONAL LIBRARY OF MALAYSIA
قرنوسٲاكان نكارا ماليسيا

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
NO. 232, JALAN TUN RAZI
50572 KUALA LUMPUR


Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia

PNM telah menghasilkan pelbagai kategori terbitan sama ada buku, katalog dan jurnal yang dipromosikan melalui saluran media PNM. Hasil jualan buku bagi tahun 2020 adalah berjumlah RM43, 628.32, iaitu sebanyak 1,025 naskhah. Selain penerbitan bahan fizikal, PNM turut menerbitkan bahan terbitan dalam talian bagi menggalakkan dan memudahkan penyebaran ilmu bukan hanya secara fizikal malah secara dalam talian.

Terbitan Tahun 2020



Laporan Tahunan PNM 2019



Buku Sumber Historiografi Alam Melayu Koleksi Peribadi John Bastin: Edisi Terkini



Jurnal Sekitar Perpustakaan Bil.51/2020 (Edisi Khas: Perintah Kawalan Pergerakan)



Jurnal Sekitar Perpustakaan Bil.51/2020 (Edisi Khas: Perintah Kawalan Pergerakan)


Terbitan Tahun 2020



Petua Menuntut Ilmu *Tibyān al-Marām*:
Menyatakan maksud kitab *Talibah al-Talabah* dengan bahasa Jawi (MSS2906B)



Kompilasi Penulisan Menempuh
COVID-19 Suatu Pengalaman



Jurnal Filologi Melayu
Edisi 27/2020



Buku Perangkaan Perpustakaan
di Malaysia 2019



Ringkasan Perangkaan
Perpustakaan di Malaysia 2019

Terbitan Dalam Talian



Buletin PNM



Sari Pustaka Bil.2/2020



Sari Pustaka Bil.3/2020



Sari Pustaka



Pelan Anti Rasuah (OACP) 2021-2025

Keratan Akhbar

Surat Pembaca

Merealisasikan kita negara me...



Merealisasikan kita negara me...

Perkembangan pesat dalam teknologi...
 Dalam konteks ini, kita sebagai rakyat Malaysia perlu...
 Kita harus berkolaborasi antara kerajaan, swasta, dan masyarakat...
 Kita harus berkolaborasi antara kerajaan, swasta, dan masyarakat...

SASTERA PERSEKUTIF



Sumbangan sastera dalam kemerdekaan negara

Karya kreatif

Sumbangan sastera dalam kemerdekaan negara...
 Sumbangan sastera dalam kemerdekaan negara...
 Sumbangan sastera dalam kemerdekaan negara...

Terap pendidikan literasi digit

SAUDARA PENGARANG

MALAYSIA internet mendominasi...
 penting, penting, penting...
 penting, penting, penting...
 penting, penting, penting...

DBK berupaya lonjak martabat bahasa Melayu



Khairul Anwar Yusoff

DBK berupaya lonjak martabat bahasa Melayu...
 DBK berupaya lonjak martabat bahasa Melayu...
 DBK berupaya lonjak martabat bahasa Melayu...

Menangani cabaran industri buku kebangsaan

Dialok anjuran DBP, ITBM, beri peluang pembantu, pendidik, usahawan



Khairul Anwar Yusoff

Menangani cabaran industri buku kebangsaan...
 Menangani cabaran industri buku kebangsaan...
 Menangani cabaran industri buku kebangsaan...

32 Komuniti Kita!

Komuniti setempat manfaat perpustakaan G-PusKom



G-PUSKOM jadi tumpuan komuniti setempat dan pelajar untuk membaca buku di SK Gedok, Gemehoch, Negeri Sembilan baru-baru ini.

BUDAYA MEMBACA. Sekolah Kebangsaan (SK) Gedok, Gemehoch, Negeri Sembilan baru-baru ini memulakan ruang khas yang dilambatkan sebagai Pusat Perpustakaan Komuniti atau G-PusKom di sekolah itu dalam usaha menggalakan budaya membaca.

Guru Besar SK Gedok, Ahmad Izhar bin Ahmad, idea pemuliharaan G-PusKom itu timbul selepas pihaknya meninjau, Gemehoch...

Pinjam buku dalam talian

BookFi21 memudahkan pengguna perpustakaan awam di Selangor pinjam, pinjangan buku sepanjang 14 hari



BookFi21 memudahkan pengguna perpustakaan awam di Selangor pinjam, pinjangan buku sepanjang 14 hari.

BookFi21 memudahkan pengguna perpustakaan awam di Selangor pinjam, pinjangan buku sepanjang 14 hari.

Malaysia muncul sebelum 1963



Malaysia muncul sebelum 1963

Malaysia muncul sebelum 1963...
 Malaysia muncul sebelum 1963...
 Malaysia muncul sebelum 1963...

Teknologi pengaruhi norma membaca

**Manfaat teras dikaitkan dengan kemajuan teknologi...
 Manfaat teras dikaitkan dengan kemajuan teknologi...
 Manfaat teras dikaitkan dengan kemajuan teknologi...**

Teknologi pengaruhi norma membaca...
 Teknologi pengaruhi norma membaca...
 Teknologi pengaruhi norma membaca...

Keratan Akhbar

WE WERE EDUCATED PRE-COLONISATION

Millions of us were educated before the British arrived in 1824.

175

Bringing the library to you

Public Library Corporation adapts its services to new normal with initiatives...

Sedunia raikan keseronokan membaca

Program Hari Buku dan Ibu Kota Buku diadakan di bawah Perkhidmatan Pustaka, Sastra dan Kebudayaan Malaysia Bersejarah UNESCO...

Ibu Kota Buku Dunia UNESCO

YPBN perjas kontroversi Dekad Membaca

Presidennya, Ketua Negara Dekad Membaca...

Plagiat terus membarah dalam dunia akademik

Pertembungan sastra perdana

Persembahan puisi dan prosa...

Kaunter pandu lalu bagi urusan hantar, pinjam buku

Unit kaunter pemandu ini akan memudahkan pengguna...

14

14th anniversary of the National Library of Malaysia...

Bahasa Melayu buat syarat saja?

TEO KOK SEONG

Menyampaikan ulang sebiji puisi berbahasa Melayu tidak diperibadikan sebagai 'syarat' untuk membolehkan seseorang itu menduduki jawatan kerajaan...

Telling tales and spilling secrets

From inscriptions to photos, the things left between the pages of books offer an intimate peek into the lives of their readers.

Terbit semula buku Rukun Negara

KUALA LUMPUR - Pertubuhan kebudayaan, Pasaka dan Allianz Malaysia Berhad (Alliance Malaysia) melancarkan buku Rukun Negara Selangor Perdana yang memaparkan kisah pertama dari pada pemerintahan bererti di bawah Projek Bina Bangsa.

Penulis buku yang diterbitkan sempena ulang tahun ke-50 Rukun Negara tersebut, Rafiq Khoo berkata, semangat nasionalisme yang berapi-api tidak pernah padam dalam kalangan masyarakat selangor rakyat di negara ini memaparkan satu tau besar yang perlu diibaratkan...

Projek Bina Bangsa merupakan satu usaha inisiatif yang berhasrat untuk memajukan kebudayaan intelektual dan penambahbaikan sejarah dalam memaparkan suatu keretanan menjadi rakyat Malaysia.

Sementara itu, Zakri berkata, badan-badan korporat harus memainkan peranan aktif untuk memajukan kepelbagaian, perpaduan dan integritas kebangsaan.

Buku terbitan BNUD tersebut boleh dipinjam secara online di info@projekbinabangsa.com bermula luno depan.

Edchi (kanan) dan Zakri memajukkan buku Rukun Negara Selangor Perdana di Kuala Lumpur kelmarin.

Keratan Akhbar Dalam Talian



515,477 rakyat Malaysia mendaftar u-Pustaka sehingga 31 Okt - Nancy



KUALA LUMPUR, 15 Dis — Beramai-ramai 515,477 rakyat Malaysia telah mendaftar sebagai ahli u-Pustaka sehingga 31 Okt lepas sejak perkhidmatan digital perpustakaan itu mula diperkenalkan pada 2011.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Dalam Seri Nancy Shukri berkata kemahenteranya memulakan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sentiasa memperkayakan perkhidmatan itu dan kaedah u-Pustaka terus menunjukkan peningkatan setiap tahun.

"Perkhidmatan u-Pustaka adalah perkhidmatan maklumat yang terus diakses di mana-mana atau pada bila-bila masa, membolehkan 13.2 juta bahan bacaan digital seperti perniagaan melalui pinjaman atau dibawa secara dalam talian memulau laman sesawang www.u-pustaka.gov.my," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.



Perkhidmatan Perpustakaan Negara dibuka semula Rabu ini



KUALA LUMPUR, 21 Dis — Perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) memulakan perkhidmatan simpanan dan dibuka semula kepada pengunjung pada Rabu (23 Dis) ini.

Naras Pengarah PNM Maizan Ismail dalam kenyataan hari ini memaklumkan kaedah Penapisan dan Pendaftaran Kajian, Pusat Rujukan Malaysia dan Pusat Negara serta Perkhidmatan Perjaman Dewasa di Negara PNM dan Wawasan Sejarah akan beroperasi dari 12 pagi hingga 6 petang setiap Selasa hingga Sabtu.

Pustakawan disaran bergerak seiring pembangunan semesta

- Uraian Semua (Sabtu)
- 7.10.2020



IKTIRAF PUSTAKAWAN: Nancy menghargai sumbangan pustakawan dan perpustakaan dalam menyebarkan kepada masyarakat berbilang.

MUCUNYU: Pustakawan dan perpustakaan turut memainkan peranan aktif bagi memastikan rakyat Malaysia kekal terfokus akses kepada maklumat serta bahan bacaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Dalam Seri Nancy Shukri berkata, sejak pengumuman PKP pada 18 Mac lalu, kesemua jenis perpustakaan telah menyediakan pelbagai inisiatif untuk segenap lapisan masyarakat.

Antaranya perkhidmatan dalam talian, pembangunan rangkaian data COVID-19, penapisan bahan bacaan dalam talian secara percuma, penyediaan kandungan tempatan termasuk kandungan perundangan digital (PDF) serta berkolaborasi dengan pemerkas bahan bacaan bagi memastikan para penyelia mendapat akses perniagaan kepada bahan perkhidmatan COVID-19.

"Di samping itu, pustakawan juga sentiasa menggiatkan masyarakat tentang bahaya serta palau teramat semasa krisis pandemik ini, selain berganding bahu untuk menjalankan aktiviti dalam talian seperti 'Jam Baca' dan 'World Guest Hour'."

"Syukurlah kita juga selalu ada yang menggiatkan inisiatif dalam memastikan masyarakat mempunyai akses kepada perkhidmatan dan bahan dalam sebarang keadaan," katanya semasa Kiri Pustaka.



COVID-19: Librarians continue providing access to information - Nancy

KUALA LUMPUR, June 8 — The roles of libraries and librarians remain relevant despite the limited public movement during the Conditional Movement Control Order (CMCO), said Tourism, Arts and Culture Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

Nancy, in a five-minute video posted in conjunction with the National Librarians' Day 2020 celebration today, said librarians and libraries have played an active role in ensuring that Malaysians' access to information and reading materials continue uninterrupted.



"Since March 18, all types of libraries have provided various initiatives for all walks of life such as online services, COVID-19 database development, free online reading materials and local content provision.

"I was also made to understand that there were those who were involved in the production of personal protective equipment (PPE) and those who collaborated with



PKPP: Perpustakaan terap pelbagai inisiatif, ikut SOP

KUALA LUMPUR, 22 Julai — Sebahagian besar perpustakaan awam di seluruh negara telah mula beroperasi kembali dengan pelbagai pendekatan dan inisiatif dalam normal baharu diperkenalkan bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bertujuan mengekang wabak COVID-19.

Setelah ditutup sejak 18 Mac berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), perpustakaan awam mula dibuka dalam fasa pelaksanaan PKP Pemulihan yang menyaksikan kelonggaran dalam sebahagian besar aktiviti ekonomi dan sosial.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di sini dan perpustakaan di bawah kendaliannya iaitu lima Perpustakaan Komuniti dan 507 Perpustakaan Desa dibuka semula sejak 16 Jun, manakala perpustakaan awam di negeri-negeri dibuka secara berperingkat.

Perpustakaan awam di Pulau Pinang dibuka bermula 13 Mei, Johor dan Kedah pada 17 Mei, Sabah (22 Mei), Perlis dan Melaka (1 Jun), Sarawak (3 Jun), Terengganu (4 Jun), Perak (12 Jun) serta Selangor dan Pahang (15 Jun) manakala di Kelantan dan Negeri Sembilan sebahagian besar belum beroperasi sepenuhnya.

Selain melaksanakan SOP yang ditetapkan, terdapat beberapa perubahan diperkenalkan seperti bilangan pengunjung yang dihadkan dan kaedah baharu meminjam dan memulangkan buku seperti penggunaan medium dalam talian untuk tempahan buku dan perkhidmatan kiniran cepat bagi penghantaran dan pemulangan buku.

SOP pasca PKP COVID-19 untuk sektor perkhidmatan perpustakaan di Malaysia, antaranya menetapkan pengguna dan kakitangan harus merendok maklumat peribadi termasuk suhu badan pengguna, memakai pelitup separuh muka, ceair pembasmi kuman dan mengamalkan penjarakan sosial.

Ketua Pengarah PNM Maizan Ismail berkata sejak 18 hingga 30 Jun lepas, PNM menerima 4,024 pengunjung manakala statistik pinjaman dalam talian menerusi u-Pustaka di laman www.u-pustaka.gov.my pula mencecah 31,618.



Negara

Transformasi digital Perpustakaan Negara Malaysia

- Oleh DINA BRANDEA SIDAMEL
- 11 Disember 2020, 11:49 pm



PUTRAJAYA — Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) memulakan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) terus memperkayakan perkhidmatan digital perpustakaan bagi membekalkan amalan membaca kepada seluruh rakyat Malaysia.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dalam Seri Nancy Shukri, berkata sejak perkhidmatan u-Pustaka ini diperkenalkan kepada rakyat pada 2011, kaedah u-Pustaka menunjukkan peningkatan setiap tahun.

"Sehingga 21 Oktober lalu, kami 515,477 rakyat telah mendaftar sebagai ahli u-Pustaka.



Duduk Rumah, Baca Boleh: Pinjaman Buku Digital Melonjak 250%

Diadunkan by Ryzana Ryzali | May 1, 2020 | Berita (8)



SIDAR HARIAN, 2.5.2020

KUALA LUMPUR — Pinjaman buku digital Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) meningkat sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula sejak 18 Mac lalu.

Terdapat Pengarah Karan, Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan PNM, Anwar Masvita Abad Rani berkata, pada 18hb, hampir 40,000 buku digital perpustakaan itu dijamin berlandung pada kira-kira 15,000 data buku-buku digital.

Menurutnya, pendekatan kaedah baharu untuk u-Pustaka dan pengunjung portal perpustakaan itu pula merangkumi membuat sebarang PKP.

"Untuk memastikan keadilan dan pengalangan portal menunjukkan peningkatan semasa PKP ini. Sehingga 21 April 2020, jumlah kamuffit ahli u-Pustaka telah mencapai 551,205.



Anugerah Buku PNM 2020 julang karya terbaik Malaysia ke peringkat antarabangsa

- Disiarkan 2, 2020



KUALA LUMPUR, 2 Disember — Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menganjurkan Anugerah Buku PNM 2020.

Anugerah dilaksanakan secara dalam talian melalui Facebook rasmi PNM Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dalam Seri Nancy Shukri berkata, pengalangan anugerah tersebut menjadi wadah terbaik untuk memotivasi buku-buku berbilang terbitan.

Ia juga bagi menggiatkan karya terbaik Malaysia ke peringkat antarabangsa. Sebanyak 104 judul bagi kategori dewasa dan kanak-kanak bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil diterima PNM.

Begitupun, hanya 104 judul sahaja meliputi kriteria dan syarat yang ditetapkan.

22 orang pemenang lalu 11 penulis dan 11 penerbit menerima hadiah wang tunai RM1,500 setiap seorang beserta trofi dan sijil penghargaan.

Keratan Akhbar Dalam Talian

BH ONLINE

Pinjaman buku digital meningkat sepanjang PKP

KUALA LUMPUR: Pinjaman buku digital Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) meningkat sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan PNM, Aidatul Hasnida Abdul Rani, berkata hampir 40,000 buku digital dipinjam pada Mac, berbanding purata kira-kira 15,000 pada bulan biasa.

Aidatul Hasnida berkata, pendaftaran keahlian baharu untuk u-Pustaka dan pengunjung portal perpustakaan itu pula meningkat mendadak sepanjang PKP.

"Statistik pendaftaran keahlian dan pengunjung portal menunjukkan peningkatan semasa PKP ini.

"Sehingga 21 April ini, jumlah kumulatif ahli u-Pustaka ialah seramai 501,295.

"Semasa PKP sahaja, pendaftaran keahlian mencecah 22,982 ahli. Pendaftaran keahlian tertinggi adalah semasa permulaan PKP, iaitu mencecah 6,000 pendaftaran dalam sehari (19 Mac)," katanya kepada BERNAMA.

Aidatul Hasnida berkata, pelbagai pilihan bahan bacaan masyarakat bergantung minat dan maklumat diperlukan.

Beliau berkata, ketika PKP, pinjaman buku digital lebih kepada bahan bacaan berbentuk e-buku.

"PNM dari semasa ke semasa sentiasa ubah memperbanyakkan bahan bacaan digital untuk diakses rakyat Malaysia.

"Antara inisiatif dilaksanakan adalah dengan menambah bilangan bahan bacaan digital setiap tahun.

NEWSDAY
ONLY REAL BREAKING

National library offers 13.2 million digital reading materials for free during Covid-19 shutdown



A volunteer takes part in the National Library's Read Me a Book campaign. — Picture via Instagram

PETALING JAYA, March 19 — Malaysians will have millions of e-books at their disposal for the next two weeks as the nation goes into full shutdown mode amid rising number of Covid-19 cases.

The National Library of Malaysia (PNM) announced 13.2 million free digital reading materials will be available for access during the Covid-19 shutdown period.

The national library launched its "Please Sit At Home and Read" campaign to comply with the Movement Control Order which began yesterday.

theSundaily

Demand for digital books from national library escalates during MCO

theSundaily / 27 Apr 2020 / 11:06 KL

KUALA LUMPUR: The demand for e-books from the National Library of Malaysia (PNM)'s digital collection has soared since the beginning of the Movement Control Order (MCO) on March 18.

PNM Library System and Network Division senior deputy director Aidatul Hasnida Abdul Rani said in March alone nearly 40,000 of the library's digital books were borrowed compared to an average of about 15,000 during the regular month.

According to her the new membership registration for u-Pustaka and visitors to the library portal has increased dramatically during the MCO.

"Membership registration and portal visitors statistics showed an increase during the current MCO. As of April 21, 2020, the cumulative number of u-Pustaka members is 501,295.

"During the MCO alone, membership registration reached 22,982 members. The highest membership registration was at the beginning of the MCO reaching 6,000 registrations in one day (March 19)," she told Bernama.

Meanwhile, Aidatul Hasnida said the selection of reading material is varied, depending on interests and information requirements needed but during the MCO, borrowing of e-books were more to fiction-based reading materials.

"From time to time PNM is constantly trying to make digital reading material more accessible to Malaysians. Among the initiatives undertaken is to increase the number of digital reading material every year.

"In addition, PNM via the u-Pustaka as a national information hub has successfully digitised 1.7 million pages of local reading material such as Malay manuscripts, rare

theSundaily

Covid-19: Pustakawan turut main peranan, sumbang bahan ilmiah - Nancy

06 Mar 2020 / 17:00 KL

KUALA LUMPUR: Peranan perpustakaan dan para pustakawan tetap relevan walaupun pergerakan masyarakat terbatas ketika fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, kata Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Nancy Shukri.

Tampil dalam video pendek sempena sambutan Hari Pustakawan Malaysia 2020, beliau berkata sepanjang tempoh itu para pustakawan dan perpustakaan telah memainkan peranan aktif bagi memastikan rakyat Malaysia tidak terputus akses kepada maklumat serta bahan bacaan.

"Sejak 18 Mac, kesemua jenis perpustakaan telah menyediakan pelbagai inisiatif untuk semua lapisan masyarakat seperti perkhidmatan dalam talian, pembongkaran rangkaian data Covid-19, peredaran bahan bacaan dalam talian secara percuma dan penyediaan kandungan tempatan.

"Ada juga yang melibatkan diri dengan penyediaan peralatan perlindungan diri serta berkolaborasi dengan pembekal bahan bacaan untuk membuka pangkalan data penyelidikan bagi memudahkan para penyelidik mendapat akses percuma kepada bahan penyelidikan Covid-19," menurutnya dalam video itu yang disiarkan di Facebook Persekutuan Pustakawan Malaysia hari ini.

Justeru itu, Nancy berkata tema #stayrelevant dan #stayengaged dipilih bagi sambutan tahun ini untuk menonjolkan peranan mereka yang sentiasa bergerak sejajar keperluan pembangunan semasa.

"Dengan kemahiran pengurusan dan pengetahuan yang ada serta akses kepada data polar di tangan, para pustakawan Malaysia berupaya dan bersedia untuk bergerak seiring dengan pergerakan masa dan perubahan.

Utusan Borneo Online

515,477 rakyat Malaysia daftar u-Pustaka sehingga 31 Oktober

U-Pustaka tawar 13.2 juta bahan bacaan digital secara percuma

- Utusan Borneo (Sabtu)
- 16 Dec 2020

KUALA LUMPUR: Seramai 515,477 rakyat Malaysia telah mendaftar sebagai ahli u-Pustaka sehingga 31 Oktober lepas sejak perkhidmatan digital perpustakaan itu mula diperkenalkan pada 2011.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Nancy Shukri berkata kementerannya menerusi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sentiasa memperkasakan perkhidmatan itu dan keahlian u-Pustaka terus menunjukkan peningkatan setiap tahun.

"Perkhidmatan u-Pustaka adalah perkhidmatan maklumat yang boleh diakses di mana-mana atau pada bila-bila masa, menawarkan 13.2 juta bahan bacaan digital secara percuma melalui pinjaman atau dibawo secara dalam talian menerusi laman sesawang www.u-pustaka.gov.my," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Nancy berkata PNM melalui projek u-Pustaka sebagai Hub Maklumat Negara telah mengilangkan kandungan tempatan seperti mamukria Malaysia, buku nadi, koleksi negara dan surat khabar tempatan melalui projek pendidikan yang dimulakan pada 2018.

Menurutnya, sehingga Disember 2019 sebanyak 1.7 juta muka surat bahan tempatan telah digilangkan dan boleh diakses melalui portal u-Pustaka yang banyak memberi manfaat kepada rakyat Malaysia sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

"Perkhidmatan u-Pustaka juga dapat menyokong pembelajaran sepanjang hayat, pembangunan sosial dan ekonomi untuk meningkatkan kualiti hidup dan kualiti kerja melalui bahan elektronik dalam pelbagai perkara yang disediakan," katanya.

MY sinchew

2020-10-12 15:50:00

Foreigners learn Malay in 2-day workshop organized by National Library

News



Through online activities such as singing and juggling, foreigners take part in the workshop to learn the Malay language.

KUALA LUMPUR, Oct 12 (Sin Chew Daily) — Some 20 foreigners learned the Malay language in a fun-filled workshop organized by the National Library of Malaysia.

Ali Khatib, deputy director of National Library of Malaysia reference division, said the workshop was one of the events launched under the "85 years of Malay Language Plan" by the ministry of education.





PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
232, JALAN TUN RAZAK,
50572 KUALA LUMPUR,
MALAYSIA

T: 03-2687 1700
F: 03-2694 2490
WWW.PNM.GOV.MY



 www.pnm.gov.my

 [Perpustakaan Negara Malaysia](#)

 [PNM_Rasmi](#)

 [Perpustakaan Negara Malaysia \(@pnm_rasmi\)](#)

 [pnmytube](#)

 [PNMrasmi](#)

 [pnmsaluransosial](#)